

"SUMBER tenaga yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi amatlah dihajati bagi tujuan membawa perubahan".
Titah Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 bagi Tahun 2020 pada 28 Jamadilakhir 1441 Hijrah bersamaan 22 Februari 2020 Masihi.



"SESUNGGUHNYA Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya".
- Firman Allah
Subhanahu Wata'alá dalam Surah At-Tin,
yatay 4.



Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Maldives, Tuan Yang Terutama Abdulla Shahid.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam, berkenan menerima mengadap Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Maldives, Tuan Yang Terutama Abdulla Shahid, di Istana Nurul Iman.

Semasa Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama, antara lainnya, bertukar-tukar pandangan dan berbincang mengenai perkara-perkara bagi mengeratkan lagi hubungan dua hala di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Maldives yang telah dijalin pada

31 Mac 1984, termasuk meneroka bidang kerjasama yang baharu di antara kedua-dua buah negara bagi manfaat bersama.

Menyertai Tuan Yang Terutama pada Majlis Mengadap tersebut ialah Additional Secretary di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Maldives, Puan Shiruzimath Sameer.

Turut hadir ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Inisiatif bandar pintar sebagai strategi berdaya maju

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Mac. - Pada tahun ini, kita telah melangkah ke dekad yang baharu, di mana kita menavigasi perjalanan kita melalui era baharu yang ketidakpastian. Justeru adalah penting, khususnya pada ketika ini, momentum yang ditetapkan tetap relevan dan strategik.

Selaras dengan tema persidangan pada tahun ini, iaitu 'Seruan Belia bagi Bandar-bandar dan Komuniti Yang Berdaya Tahan (Youths Call for More

Sustainable Cities and Communities)', di mana bertepatan dengan komitmen antarabangsa dan matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman menegaskan perkara tersebut semasa bersabda pada Persidangan Isu-isu Global Borneo (BGIC) Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Kali Ke-16, yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Ke muka 4

Wanita berperanan besar dalam pembangunan sosioekonomi

Siaran Akhbar :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 Mac. - Telah diperakui sejak sekian lama, kaum Wanita di Negara Brunei Darussalam berperanan besar dalam pembangunan sosioekonomi negara juga sama-sama menyumbang bakti kepada masyarakat.

Ke muka 9



Berita Utama



PENYAKIT, musibah nikmat penghapus dosa

Muka 6



TANDA kasih WARGAMAS kepada raja tercinta

Muka 7



PASTIKAN dasar selari tuntutan Islam

Muka 10



TINGKATKAN kesihatan, hindari gejala sosial

Muka 21

Latihan Pertolongan Cemas, CPR sangat berguna

Bismillahir Rahamanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga kita dapat bersama-sama hadir pada hari ini di Majlis Penyampaian Sijil Latihan Pertolongan Cemas (First Aid) dan Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) serta Penyampaian Mesin AED dan First Aid Kit bagi Penduduk Mukim Labi dan Mukim Bukit Sawat. Selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, para sahabat, kaum keluarga dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Kesihatan merupakan satu nikmat yang tidak ternilai yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Kesihatan yang baik perlu disyukuri, dipelihara dan dijaga bagi membolehkan kita untuk menjalankan tugas dan pekerjaan dengan baik dan sempurna serta dapat menikmati kehidupan yang sejahtera. Dalam penjagaan kesihatan yang baik, pencegahan awal penyakit serta mendapatkan pertolongan atau intervensi awal dalam keadaan-keadaan tertentu adalah antara perkara penting bagi mengelakkan sesuatu penyakit ataupun perkara-perkara yang tidak diingini untuk berlaku.

Alhamdulillah, pada hari ini saya telah difahamkan seramai 52 peserta terdiri daripada Penduduk Kampung Mukim Labi dan Bukit Sawat telah mengikuti kursus latihan bagi mempelajari cara untuk memberi pertolongan awal sekutu kecemasan iaitu Latihan Pertolongan Cemas dan CPR yang telah dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan pada 1 Februari 2020. Saya amat berbesar hati dengan respons positif penduduk serta keramaian peserta yang terdiri daripada Penduduk Mukim Labi dan Mukim Bukit Sawat tersebut. Ini menunjukkan keprihatinan, komitmen serta kesedaran penduduk terhadap keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan warga penduduk di mukim ini.

Latihan Pertolongan Cemas dan CPR ini merupakan satu latihan asas yang sangat berguna dan tinggi manfaatnya yang perlu diterapkan dan diperluaskan kepada semua lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Ini adalah sebagai langkah kesiapsiagaan dalam menghadapi sebarang situasi kritis atau kecemasan sama ada dalam kehidupan searian mahupun dalam situasi kemungkinan berlakunya sebarang kemalangan atau bencana. Pertolongan Cemas atau First Aid adalah respons rawatan pertama yang diberikan dengan tujuan utama untuk menyelamatkan nyawa. Di samping itu, ia juga bertujuan untuk menstabilkan dan



TEKS ucapan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Md. Isham bin Haji Jaafar yang dibacakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Haji Othman pada Majlis Penyampaian Sijil Latihan Pertolongan Cemas (First Aid) dan Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) serta Penyampaian Mesin AED dan First Aid Kit bagi Penduduk-penduduk Kampung di Mukim Labi dan Mukim Bukit Sawat pada Sabtu, 14 Jamadilakhir 1441 Hijrah bersamaan 8 Februari 2020 Masih di Dewan Serbaguna, Mukim Bukit Sawat, Daerah Belait.

seterusnya mengelakkan sebarang kemalangan dan kecederaan sebelum ia menjadi lebih serius. Tambahan lagi, prosedur Pertolongan Cemas yang diberikan sebagai respons rawatan pertama ini boleh meningkatkan peluang *survival* seseorang yang ditimpakan kemalangan sebelum sebarang intervensi atau rawatan lanjut perubatan diberikan oleh para profesional perubatan melalui perkhidmatan paramedik ambulans atau perkhidmatan kecemasan di fasiliti-fasiliti kesihatan.

Manakala Latihan CPR atau Cardiopulmonary Resuscitation yang juga dijalankan adalah satu kaedah prosedur kecemasan bagi mengekalkan peredaran darah dan oksigen seseorang yang mengalami serangan jantung di mana jantung telah berhenti berdenyut dan tidak berfungsi secara normal. Prosedur CPR ini boleh menyelamatkan nyawa dengan membantu penerusan bekalan oksigen kepada otak sehingga seluruh pesakit mendapat rawatan yang lebih spesifik daripada profesional perubatan.

Selain itu, saya juga difahamkan bahawa para peserta juga telah dilatih

dalam penggunaan alat AED yang boleh digunakan pada situasi kecemasan yang tertentu. InsyaAllah, beberapa Alat AED berserta First Aid Kit akan diserahkan pada hari ini bagi keperluan kecemasan Penduduk di Mukim Labi dan Bukit Sawat. Pada kesempatan ini, saya juga ingin menasihatkan agar alat-alat tersebut akan dimanfaatkan bersama dan dipelihara sebaiknya oleh penduduk di sini.

Seperti kita sedia maklum bahawa Kementerian Kesihatan telah mengenal pasti kepentingan serta keutamaan Latihan Pertolongan Cemas ini, di mana melalui Pusat Kebangsaan Resusitasi (National Resuscitation Centre), kursus-kursus latihan seperti ini telah giat dianjurkan di bawah pengendalian jurulatih-jurulatih bertauliah termasuk jururawat yang berkemahiran. Latihan seperti ini adalah sangat diperlukan untuk diteruskan dan dikembangkan lagi bagi meningkatkan kemahiran orang awam untuk memberikan Pertolongan Cemas sebagai respons atau rawatan pertama dengan serta-merta kepada mereka yang memerlukan. Justeru itu, latihan pada kali ini adalah merupakan kali kedua latihan seperti diungkayahkan yang mana sebelum ini ia telah dijalankan bagi Penduduk Mukim Sukang dan Mukim Melilas dengan kolaborasi bersama Institut Sains Kesihatan, Universiti Brunei Darussalam. Dalam pada itu, diharapkan agar usaha seperti ini akan dapat diteruskan lagi dalam menuju ke arah matlamat meningkatkan kadar bilangan penduduk yang berkemahiran dalam Pertolongan Cemas dan CPR.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penduduk-penduduk kampung yang telah menyertai Latihan Pertolongan Cemas dan CPR dan berharap agar penduduk mukim dan kampung akan mendapat manfaat sebaiknya daripada kemahiran yang diperoleh oleh peserta-peserta latihan.

Akhir sekali, saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli-ahli jawatankuasa pengurusan latihan dan semua pihak yang terlibat dalam sama-sama menjayakan majlis pada hari ini, terutama sekali kepada sokongan dari pihak akar umbi dan juga semua Penduduk Kampung Mukim Labi dan Mukim Bukit Sawat. Tidak ketinggalan juga diucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para tenaga pengajar dan sukarelawan-sukarelawan terlibat atas kerjasama padu yang telah diberikan. Semoga segala usaha dan sumbangan yang murni lagi ikhlas semua akan mendapat keberkatan dan ganjaran yang sebaik-baiknya dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian. Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

9 MAC 2020 BERSAMAAN 1441 14

BINCANG PELAKSANAAN STRATEGI PERTUMBUHAN EKONOMI

PEERSIDANGAN Majlis Mesyuarat Negara (MMN) memasuki usia 16 tahun persidangan sejak penubuhan semulanya pada 25 September 2004 setelah dibubarkan pada tahun 1984. Pada persidangan tersebut nanti akan membincangkan dan meluluskan perkara utama, iaitu Rang Undang-Undang (2020) Perbekalan, 2020 / 2021; untuk diguna pakai bermula pada 1 April 2020.

Di samping membincangkan Belanjawan Tahunan, Persidangan MMN juga akan membincangkan isu-isu dan cadangan-cadangan yang bermanfaat kepada negara dan rakyat yang diteliti dan dinilai kesesuaiannya secara terperinci mengikut keperluan dan keutamaannya.

Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN akan dilangsungkan pada Isnin, 14 Rejab 1441 bersamaan dengan 9 Mac 2020 bertempat di Dewan Persidangan MMN, Jalan Dewan Majlis.

Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan pengurnian titah sebagai bermulanya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-16 MMN.

Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, perkara yang terus diberikan perhatian dan dijadikan fokus utama pada setiap persidangan adalah dalam membincangkan pelaksanaan strategi bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan ke arah mempelbagaikan ekonomi negara, dalam membincangkan mengenai pengemaskinian segala dasar peraturan dan prosedur supaya lebih telus dan teratur dan di dalam kepentingan pembangunan generasi belia serta kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Pada menanai hasrat Kebawah DYMM, Persidangan MMN digunakan sebagai satu saluran atau platform bagi Ahli-ahli MMN mengemukakan buah fikiran dalam suasana bermuzakarah dan aman tenteram.

Sesi Persidangan MMN ini adalah dibukakan kepada orang awam yang berminat untuk mendengarkan perbincangan dan perbahasan di dalam Dewan Persidangan MMN.

Oleh itu, selaku rakyat dan penduduk negara ini, janganlah melepaskan peluang keemasan ini untuk menghadiri MMN Ke-16 tahun ini dan sama-sama mendengarkan perbincangan mengenai isu-isu utama pembangunan semasa untuk kemaslahatan laila rakyat dan negara jua.

Semoga MMN pada kali ini akan berjalan dengan lancar, muafakat, dan dedikasi serta membawa strategi-strategi yang bermanfaat untuk menjana perkembangan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam dengan kebijaksanaan Yang Di-Pertua MMN.

Bagi mana-mana pihak yang berhasrat untuk menghadiri Sesi Persidangan MMN adalah dipohon untuk mematuhi beberapa peraturan khususnya berkaitan dengan kod pakaian dan tatacara untuk masuk ke Dewan Majlis termasuklah Peraturan-peraturan semasa di dalam Dewan Persidangan MMN. - Ketua Penyuntingan (Rd).

RAMALAN CUACA 3 HARI		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 °C	31 °C	30 °C
25 °C	26 °C	25 °C
PEKAN BANGAR		
32 °C	31 °C	30 °C
25 °C	25 °C	25 °C
PEKAN TUTONG		
32 °C	31 °C	32 °C
25 °C	26 °C	26 °C
KUALA BELAIT		
31 °C	31 °C	31 °C
25 °C	25 °C	26 °C

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajiciuaca
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

114

Brunei WX App

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: ...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi MAC	HARI REJAB	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9	ISNIN	5.02	5.12	6.29	6.51	12.32	3.45	6.33	7.42
10	SELASA	5.01	5.11	6.29	6.51	12.32	3.44	6.33	7.42
11	RABU	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41
12	KHAMIS	5.01	5.11	6.28	6.50	12.31	3.43	6.32	7.41
13	JUMAAT	5.00	5.10	6.27	6.50	12.31	3.42	6.32	7.41
14	SABTU	5.00	5.10	6.27	6.49	12.31	3.41	6.32	7.41
15	AHAD	5.00	5.10	6.27	6.49	12.30	3.40	6.32	7.41

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
NDMC 123 | 2380214

DPMM tinjau HMAS Dechaineux



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan bergambar ramai bersama Menteri Pertahanan Kedua; Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam; Pemerintah Laut Royal Australian Navy, Laksamana Madya Michael Noonan; Pegawai Pemerintah HMAS Dechaineux, Komander Brad Francis; dan pihak Royal Australian Navy yang lain juga pihak Kementerian Pertahanan dan ABDB.

MUARA, Sabtu, 7 Mac. - Kapal Selam Australian Collins Class, iaitu HMAS Dechaineux menjadi tumpuan Lawatan Kerja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, di sini.

HMAS Dechaineux merupakan kapal selam pertama yang berlabuh di Negara Brunei Darussalam bermula pada 7 hingga 9 Mac ini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia di Dermaga Komersial Muara dijunjung oleh Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejari Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan,

Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah; Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera dan Pemerintah Angkatan Bersama; juga Pemerintah Laut Royal Australian Navy,

Laksamana Madya Michael Noonan.

Lawatan DYTM ke kapal selam tersebut dimulakan dengan sembah taklimat keselamatan yang disampaikan oleh Pegawai Pemerintah HMAS Dechaineux,

Komander Brad Francis.

DYTM kemudiannya berkenan menaiki kapal selam dan melawat Senior Sailors Mess; Control Room; Weapon Storage Compartment; Junior Sailors Mess; Motor Generator Room;

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Masri Osman,
Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid

dan Machinery Control Room.

Di akhir lawatan, DYTM berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai dan menerima plak juga pesambah daripada Pemerintah Laut Royal Australian Navy dan Pegawai Pemerintah HMAS Dechaineux.

Sejurus selepas itu, DYTM berkenan menganugerahkan plak kepada kedua-dua pegawai kanan berkenaan.

HMAS Dechaineux yang berpusat di Fleet Base West, Australia Barat merupakan Kapal Selam Collins Class Keempat yang dinaikkan untuk perkhidmatan dalam Royal Australian Navy pada 23 Februari 2001.

Kapal selam tersebut berupaya untuk menampung sebanyak 38 pelajar dan 10 pegawai dan merupakan antara salah satu kapal selam pertama yang direka dengan komputer.

HMAS Dechaineux juga mempunyai beberapa ciri dan kebolehan, termasuk *high-performance hull form, highly automated controls, high shock resistance and efficient weapons handling* juga *discharge system*.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada Pemerintah Laut Royal Australian Navy (kiri), sementara gambar kanan, DYTM berkenan mendengarkan sembah penerangan mengenai Kapal Selam Australian Collins Class tersebut.



DYTM berkenan menyaksikan kemudahan yang terdapat di HMAS Dechaineux (atas), sementara gambar kanan, DYTM berkenan mendengarkan sembah penerangan daripada Pegawai Pemerintah HMAS Dechaineux, Komander Brad Francis.



Inisiatif bandar pintar sebagai strategi berdaya maju



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan mengurniakan sabda perasmian pada majlis persidangan tersebut.

Dari muka 1

Oleh itu sabda Yang Teramat Mulia, sebagaimana Negara-negara Anggota PBB yang lain, Negara Brunei Darussalam juga komited untuk mencapai matlamat bersama melalui strategi dan inisiatif di bawah Visi Negara, Wawasan Brunei 2035.

"Kecepatan perkembangan urbanisasi di seluruh dunia tidak menunjukkan tanda-tanda yang perlahan. Bandar raya mega kelihatan seperti berlawan dalam perkembangan infrastruktur masa depan dan telah mengubah persepsi serta harapan kita tentang bagaimana kita harus menjalani kehidupan pada hari ini," sabda YTM.

YTM seterusnya bersabda, menurut Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, lebih daripada separuh penduduk dunia kini tinggal di kota mega dan diyakini pada tahun 2050, angka itu akan meningkat sebanyak 6.5 bilion, merupakan dua pertiga penduduk global.

YTM menambah sabda, dengan momentum urbanisasi yang semakin pesat



dan dengan bandar-bandar pintar sedang disiapkan, kita melihat kesan buruk daripada kesesakan, ketidaksetaraan ekonomi semakin meningkat, penggunaan tenaga yang tinggi dan pencemaran.

Ketidakupayaan untuk menguruskan kemasukan orang ramai secara berkesan akan membawa kepada pemusnahan, malah hasil yang tidak dapat dipulihkan, khususnya kepada masyarakat kita dan generasi akan datang.

Untuk mengekang perkara ini, YTM dalam sabdanya menekankan banyak negara sedang mempertimbangkan inisiatif bandar pintar sebagai strategi berdaya maju. Konsep ini meneroka bagaimana teknologi, seperti *Internet of Things* dan data besar dapat digunakan untuk menguruskan aset awam dengan berkesan, bukan sahaja untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat, tetapi untuk meningkatkan akses, mengurangkan kesesakan lalu lintas, mengawal pencemaran dan meningkatkan kecekapan tenaga.

Lebih penting lagi, ia akan dapat membantu mengurangkan kesan negatif penggunaan manusia terhadap alam sekitar. YTM seterusnya bersabda, pemimpin ASEAN sudah mengetahui akan kepentingan pembangunan bandar pintar dan melestarikan Rangkaian Bandar Pintar ASEAN pada April 2018.

Sehubungan itu, negara-negara Anggota ASEAN dapat bekerjasama dalam meningkatkan kehidupan bandar dengan kemajuan teknologi. Selaras dengan ini sabda YTM, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyediakan 'Pelan

Tindakan Bandar Pintar' yang memberi tumpuan kepada usaha memulihkan infrastruktur sedia ada di Bandar Seri Begawan, membersihkan sungai-sungai, meningkatkan akses kepada perkhidmatan masyarakat, termasuk kemudahan kesihatan dan rekreasi juga dalam masa yang sama menggalakkan aktiviti keusahawanan dan mempromosikan industri pelancongan tempatan. Ini berpotensi membawa kesan positif.

YTM kemudiannya bersabda, melahirkan rasa suka cita melihat ISB BGIC Ke-16 memilih tema yang dianggap sebagai ancaman yang kita hadapi pada hari ini juga kebimbangan yang boleh menjelaskan masa depan kita. Dorongan ini akan menjadikan dunia menjadi lebih baik untuk generasi akan datang.

Sehubungan itu, YTM menggesa golongan muda untuk menggunakan platform ini, untuk terus belajar dan terlibat, membina rangkaian yang berharga juga menggunakan pengetahuan baharu untuk menghasilkan penyelesaian berkesan.

Sebagai pemimpin, sabda YTM, platform ini seharusnya tidak hanya dilihat sebagai tempat untuk membicarakan isu-isu yang kita hadapi hari ini, tetapi tempat untuk bertolak ansur dengan pelbagai pandangan untuk berunding dan berfikir secara lebih kritis.

YTM dalam mengakhiri sabdanya, mengucapkan penghargaan tahniah kepada semua delegasi, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan penaja-penaja Progresif Sdn. Bhd., Baiduri Bank dan Brunei Shell Petroleum juga mengucapkan terima kasih kepada semua guru, penceramah tetamu dan jemputan yang hadir atas sumbangan aktif juga sokongan dan memainkan peranan penting untuk kejayaan ISB BGIC sehingga hari ini. YTM berharap agar Persidangan ISB ini disambut baik dan akan mencapai kejayaan juga mengharapkan yang terbaik dalam perbincangan dan kerja masing-masing.



YANG Teramat Mulia berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Persidangan Isu-isu Global Borneo (Borneo Global Issues Conference (BGIC) Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) Kali Ke-16.

Berkenan merasmikan Persidangan Isu-isu Global Borneo, ISB



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hamzah Mohidin, Ak. Aminol Adi Azrie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Mac. - Persidangan Isu-isu Global Borneo (Borneo Global Issues Conferences - BGIC), Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB) pada tahun ini membawakan tema, 'Seruan Belia bagi Bandar-Bandar dan Komuniti Yang Berdaya Tahan (Youths Call for More Sustainable Cities and Communities)'.

Berangkat merasmikan BGIC ISB yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman yang juga selaku Penaung Diraja BGIC ISB. Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah dijunjung oleh Pengetua Eksekutif ISB, Laura Thomas.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan mengurniakan cenderamata kepada salah seorang pembentang (atas). Sementara gambar kiri, Yang Teramat Mulia berkenan merasmikan Persidangan Isu-isu Global Borneo (Borneo Global Issues Conferences - BGIC), Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB).

Terdahulu, acara dimulakan dengan sembah alu-aluan daripada Pengetua Eksekutif ISB, Laura Thomas diikuti dengan ucaptama daripada dua orang penceramah jemputan dari luar negara, iaitu Darren Tan, selaku ketua yang memimpin usaha-usaha jangkauan komuniti dan pendidikan di ComCrop Singapura dan Chloe King, 'Fullbright' biasiswa Amerika Syarikat (U.S Scholar) yang menjalankan penyelidikan mengenai pelancongan lestari di Sulawesi, Indonesia. Para penceramah jemputan mengongsikan mengenai pengalaman dan juga pelbagai inisiatif yang berkaitan mengenai pertanian mampan dan ekopelancongan.

Perasmian persidangan tersebut turut dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin bagi sama-sama mempromosikan kepimpinan belia dan komuniti ke arah pencapaian Wawasan Brunei

Persidangan empat hari yang berlangsung sehingga 9 Mac itu disertai oleh kira-kira 25 buah sekolah terdiri dari ISB, Maktab-maktab dan Sekolah-sekolah di negara ini dengan tujuan bagi mengembangkan kefahaman pelajar mengenai kewarganegaraan global.

Selain itu, persidangan ini juga turut meningkatkan kemahiran bercakap di hadapan khalayak ramai (*public speaking*) khususnya para pelajar-pelajar yang mengikuti persidangan ini.



YTM berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama para peserta yang menyertai persidangan tersebut.



PERSEMBAHAN muzikal daripada Pelajar-pelajar ISB.



PARA peserta yang mengikuti persidangan tersebut.

2035.

Pada majlis itu, Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda dan seterusnya merasmikan BGIC ISB Ke-16 serta menyempurnakan pengurniaan sijil dan cenderamata kepada penceramah undangan, para penaja dan penyokong BGIC. Yang Teramat Mulia juga berkenan menyaksikan persembahan muzikal daripada Pelajar-pelajar ISB.

Persidangan BGIC ISB merupakan persidangan model tahunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di mana peserta terdiri daripada pelajar-pelajar mewakili pelbagai negara, mengongsikan pandangan mereka mengenai isu-isu dunia sebenar dan terkini.

Persidangan empat hari yang berlangsung sehingga 9 Mac itu disertai oleh kira-kira 25 buah sekolah terdiri dari ISB, Maktab-maktab dan Sekolah-sekolah di negara ini dengan tujuan bagi mengembangkan kefahaman pelajar mengenai kewarganegaraan global.

Selain itu, persidangan ini juga turut meningkatkan kemahiran bercakap di hadapan khalayak ramai (*public speaking*) khususnya para pelajar-pelajar yang mengikuti persidangan ini.

Penyakit, musibah nikmat penghapus dosa



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (depan, lima dari kiri) turut hadir bersama para jemaah mendengarkan Tazkirah Subuh bertajuk 'Penyakit: Nikmat atau Azab?' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin pada Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 Mac. - Penyakit adalah keadaan yang menyebabkan tubuh menjadi sakit atau yang mengganggu kesihatan. Penyakit ini terbagi kepada dua, iaitu penyakit tubuh badan, seperti barah, jantung, kencing manis, darah tinggi, kusta dan sebagainya. Manakala satu lagi, iaitu melibatkan penyakit jiwa atau dalaman, seperti hasad dengki, sompong, ujub, riyak dan seumpamanya.

Perkara tersebut merupakan sebahagian pengisian yang

terkandung dalam Tazkirah Subuh bertajuk 'Penyakit : Nikmat atau Azab?' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin pada Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Tambah pentazkirah lagi, jika difikir-fikirkan dan diambil positif, penyakit dan musibah juga adalah nikmat apabila keduanya diterima dengan kesabaran,

sepertimana Sabda Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam hadis yang sah, iaitu *"Tidak mendapat musibah seorang Muslim (seperti) mengalami penat atau selalu demam atau bimbang atau dukacita atau mudarat atau sedih, hatta (setakat) duri mencucuknya melainkan disebabkan musibah-musibah itu, Allah akan hapuskan dosa-dosanya"*. Dalam erti kata yang lain, bukan sakit yang kita terima sahaja yang penghapus dosa, malah musibah yang lebih ringan atau lebih kecil daripada

sakit pun juga menjadi Kafarah (penghapus dosa).

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; dan Pemangku Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' di Masjid Omar 'Ali Saifuddien pada minggu ini dikendalikan oleh KHEU disokong oleh Jabatan Perdana

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Menteri, ia merupakan satu program mingguan dan ajakan bagi mengalau-alukan jemaah meningkatkan kehadiran bagi memakmurkan masjid, dan seterusnya bersama-sama secara Istiqamah (berterusan) mendirikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah pada awal waktu di masjid.

'Masjidku Makmur, Negara Berkat' turut memberikan peluang kepada para pengunjung bersempena acara 'Bandarku Ceria' mulakan langkah dan keceriaan hari mereka dengan meraih keberkatan melalui partiisipasi menuai tuntutan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang dan kegiatan keagamaan yang diaturkan.

Masjid adalah ibarat rumah Allah dan sesungguhnya menghadirkan diri beribadah ke masjid juga mendirikan sembahyang secara berjemaah itu mempunyai kelebihan daripada berbanding sembahyang secara perseorangan.

Makmurnya masjid-masjid di negara ini adalah antara landasan kita bagi menggandakan amal kebaikan dan meraih keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'alaa bagi diri kita, keluarga dan negara.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (kiri) menyaksikan masakan berdasarkan kelapa pada acara Pasar Petani Re/Think Food bersempena dengan Minggu Gastronomi Brunei 2020 (BGW 2020) dan Hari Wanita Antarabangsa 2020.

LAMUNIN, Ahad, 8 Mac. - Penggerak komuniti dalam bidang keusahawanan, React.co dengan kerjasama Eco Ponies Garden

(EPG) menganjurkan acara Pasar Petani Re/Think Food bersempena dengan Minggu Gastronomi Brunei 2020 (BGW

React.co, EPG bekerjasama anjur Re/Think Food

2020) dan Hari Wanita Antarabangsa 2020.

Acara edisi ketiga tersebut merupakan kolaborasi bersama EPG dalam memeriahkan BGW 2020 yang bertemakan penggunaan kelapa sebagai bahan utama dalam masakan yang diolah dengan berbagai-bagai herba dari sekeliling kampung juga hutan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pelancaran tersebut, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Pengasas Bersama React.co, Dayang Nazurah Hamizah binti Haji Mohd. Salleh dalam ucapan alu-aluannya, antara lain mengongsikan tujuan pasar petani atau *Farmer's Market* diadakan untuk mendorong lebih banyak komuniti dan perniagaan yang berkembang dari rumah untuk mengamalkan gaya hidup ladang ke meja dan untuk meningkatkan kesedaran budaya juga produk warisan negara ini kepada penduduk tempatan dan orang asing.

Selain itu katanya, konsep ini berjaya menarik minat warga tempatan dan luar negara juga pelancong untuk mengalami keunikan atau ketulenan budaya dan kesenian Negara Brunei



AKTIVITI kerjasama React.co dan Eco Ponies Garden menggalakkan penglibatan pengusaha-pengusaha komuniti dan perniagaan keusahawanan yang berkembang dari rumah untuk mengamalkan gaya hidup pertanian ke meja.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Darussalam.

Dengan kesepakatan komuniti ini, tambahnya, diharapkan agar *treasures of Brunei* ini akan dapat dinikmati oleh semua.

Turut menyertai acara tersebut, Persatuan Chef Indonesia (ICA) dan Bidasari dengan demonstrasi penyediaan masakan menggunakan bahan-bahan dari hutan dan kebun komuniti.

Acara dua hari yang bermula sejak 7 Mac itu turut memaparkan ceramah dan bengkel yang



ANTARA menu sajian yang dipamerkan pada acara Re/Think Food sempena Minggu Gastronomi 2020 di Eco Ponies Garden.

berasaskan tema kelestarian, membina komuniti juga melindungi budaya dan warisan, dengan penyertaan komuniti dari Daerah Tutong dan Daerah Belait, seperti Lamin Warisan, MPK Biro Wanita Lamunin, MPK Melilas, MPK Bukit, juga Pangkalan Waris.

Acara yang berlangsung di EPG, Lamunin ini disokong oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Progresif Sdn. Bhd.

Tanda kasih WARGAMAS kepada raja tercinta

Oleh : Haniza Abdul Latif
 Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 8 Mac. - Lebih 1,000 warga emas seluruh negara menyertai bacaan ayat-ayat suci Al-Quran 74 Kali Khatam sebagai pesambahan istimewa ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sekali gus sebagai tanda bersyukur dan memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-74 pada tahun ini.

Sehubungan itu, Majlis Pelancaran 74 Kali Khatam Al-Quran kali kedua, Tahun 2020 anjuran Pertubuhan WARGAMAS Brunei Darussalam berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Madang / Manggis, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin

Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin yang seterusnya mendahului dan mengepalai bacaan Surah Al-Fatiyah.

Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan dibacakan oleh Awang Abd. Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin.

Pada majlis perasmian tersebut, seramai 700 peserta hadir, di mana para peserta dibahagikan kepada 10 Halaqah Lelaki dan 46 Halaqah Perempuan.

Terdahulu itu, Penggerusi Majlis, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin dalam ucapan alu-aluannya melahirkan perasaan bangga dan berterima kasih kepada Pertubuhan WARGAMAS Brunei Darussalam atas usaha untuk menganjurkan program seumpama ini.

Beliau seterusnya melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas penglibatan dan penyertaan warga emas seluruh negara yang melebihi 1,000 orang dalam sama-sama merebut pahala yang berlipat ganda melalui membaca



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (tengah) mengepalai bacaan Surah Al-Fatiyah pada Majlis Pelancaran 74 Kali Khatam Al-Quran kali kedua, Tahun 2020 anjuran Pertubuhan WARGAMAS Brunei Darussalam berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Madang / Manggis.

Al-Quran.

Harapan beliau agar ramai lagi warga emas akan menyertai program khatam itu dalam Majlis Khatam yang dijangka akan diadakan pada bulan Ogos 2020 nanti.

Rancangan yang diungkayahkan itu menurutnya, dihasrat bagi menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk sentiasa rajin membaca Al-Quran secara Istiqamah.

Beliau menambah majlis berkenaan adalah sebagai tanda rasa kasih rakyat yang sudah lanjut usia kepada raja yang dikasih dengan meniatkan pahala bacaannya terutama untuk baginda.

Majlis berkenaan merupakan aktiviti kali kedua dianjurkan oleh Pertubuhan WARGAMAS Brunei Darussalam dengan sokongan kuat daripada kumpulan warga emas seluruh negara.

Pertubuhan WARGAMAS Brunei Darussalam ini diluluskan penubuhannya yang mana dihasrat

untuk menyatupadukan semua warga emas di seluruh negara.

Beberapa program dan aktiviti juga sedang dirancang yang menjurus kepada kemasyarakatan, keagamaan, perekonomian, perpaduan, kebijakan dan lain-lain yang berfaedah juga bermanfaat untuk warga emas, khususnya dan keharmonian negara amnya.

Antara yang hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon selaku Penghulu Mukim Berakas 'B'.

Sumbangan untuk golongan memerlukan



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
 Foto : Dk. Nur Hafileh Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Mac. - Bagi meringankan lagi beban keperluan harian anak-anak yatim dan mereka yang memerlukan, satu Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Kebajikan diadakan di Restoran Emperor's Court, Bangunan Hua Ho Manggis Mall.

Hadir selaku tetamu kehormat, Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Pada majlis itu, Timbalan

membantu pekerja-pekerja kesihatan di barisan hadapan dalam menangani wabak COVID-19 di Republik Rakyat China.

Atas alasan yang sama tambahnya, To'kong Cina BSB menangguhkan upacara penyampaian hadiah tahunan untuk Anugerah Pelajar-pelajar Cemerlang yang biasanya diadakan di Dewan Darussalam, Sekolah Menengah Chung Hwa.

Antara penerima derma pada malam itu, Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim sebanyak BND2,000; Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam sebanyak BND2,000; Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Brunei

Muara menerima sebanyak BND2,000; Tabung Amal Anak-Anak Yatim Daerah Belait menerima sebanyak BND2,000; Tabung Kebajikan Anak-Anak Yatim Daerah Tutong juga menerima sebanyak BND2,000; Tabung Derma Anak-Anak Yatim Daerah Temburong turut menerima BND2,000; Sekolah Menengah Chung Hwa juga menerima BND2,000, manakala Rumah Orang-Orang Tua Pekan Seria menerima BND10,800.

Sementara sumbangan ke Republik Rakyat China bagi memberikan bantuan dalam menangani wabak COVID-19 adalah sebanyak BND20,200.

Kesemua penyampaian sumbangan derma telah

disempurnakan oleh tetamu kehormat dan Pengerusi To'kong Cina BSB, Lee Eng Ching.

Dengan adanya sumbangan derma tersebut, To'kong Cina BSB juga berharap akan dapat meningkatkan lagi sikap toleransi dan bantu membantu dalam kehidupan bermasyarakat yang berbagai kaum juga budaya di negara ini, seterusnya mengeratkan lagi talian persahabatan yang sedia ada di antara Republik Rakyat China dan Negara Brunei Darussalam.

Antara yang hadir pada majlis tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yu Hong.



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (dua, kanan) bersama Pengerusi To'kong Cina Bandar Seri Begawan menyampaikan sumbangan kepada Republik Rakyat China yang diterima oleh Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Kebajikan (atas). Manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Meraikan delegasi HMAS Dechaineux



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua bersama Puan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan juga Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera ketika hadir pada Resepsi Makan Malam di Kapal Selam Australian Collins Class, iaitu HMAS Dechaineux (kiri dan kanan).

MUARA, Ahad, 8 Mac. - Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof kelmarin menghoskan Resepsi Makan Malam di Kapal Selam Australian Collins Class, iaitu HMAS Dechaineux.

Kapal selam yang pertama berlabuh di Negara Brunei Darussalam akan berada di tanah air dari 7 hingga 9 Mac 2020.

Turut hadir, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji

Mahmud dan Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Shahril Anwar bin Haji Ma'awiah serta Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera.

Sejurus tiba, Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua dan delegasi kementerian juga

ABDB disambut oleh Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Nicola Rosenblum; Pemerintah Laut Royal Australian Navy, Laksamana Madya Michael Noonan dan Pegawai Pemerintah HMAS Dechaineux, Komander Brad Francis.

Lawatan kapal selam yang pertama ke Negara Brunei Darussalam itu menandakan hubungan pertahanan yang rapat dan kian terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dan Australia yang terus diperkuatkan melalui interaksi dua hala dan pelbagai hala.

Pendaftaran Peperiksaan SPUB, STPUB dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Mac. - Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal

Ugama sukacita memaklumkan bahawa pendaftaran bagi Peperiksaan-peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB)

dan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi akan dibukakan mulai Rabu, 9 Rejab 1441 Hijrah bersamaan 4 Mac 2020 Masihi hingga Isnin, 26 Syaaban 1441 Hijrah bersamaan 20 April 2020 Masihi.

Sehubungan itu, suka-cita dimaklumkan kepada Pengetua-pengetua Sekolah Menengah Arab dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah juga calon-calon persendirian yang berkeinginan menduduki Peperiksaan SPUB dan STPUB Tahun 2020 supaya

akan dapat mengambil Borang-borang Pendaftaran di Pejabat Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, bertempat di Lantai Bawah, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas, BB3910 semasa waktu pejabat.

Tip Pendidikan



Jom semak TUJUH cara mudah untuk kuasai Matematik!

- **Biasakan pelajar bermain permainan berdasarkan Matematik.** Para pelajar boleh memuat turun aplikasi dan 'games' yang membantu menerangkan konsep Matematik dengan cara menyeronokkan.
- **Jadikan Matematik relevan dalam rutin harian.** Ibu bapa juga perlu membuatkan Matematik relevan dalam hidup anak-anak, seperti ketika membuat urusan pembayaran di kaunter ataupun kedai runcit.
- **Banyakkan membuat latihan Matematik.** Melatih diri membuat latihan matematik selama 1 jam 30 minit setiap hari.
- **Rakan khas Matematik.** Wujudkan rakan khas untuk belajar Matematik.
- **Hafal formula Matematik!** Membiasakan diri menghafal formula Matematik.
- **Cabar minda.** Membuat latihan soalan Matematik yang susah dan mencabar minda bagi membiasakan diri menjawab soalan yang susah terutama pada waktu peperiksaan.
- **Tanamkan dalam diri!** Tanamkan dalam diri dan minda para pelajar bahwasanya belajar Matematik amat mudah.

Wanita berperanan besar dalam pembangunan sosioekonomi

Dari muka 1

Antara kejayaan wanita Brunei yang menjadi kebanggaan negara pada tahun 2019 ialah seramai lima pengusaha wanita tempatan menerima Anugerah Usahawan Wanita ASEAN Cemerlang semasa Persidangan Perniagaan Wanita ASEAN di Bangkok, Thailand dan dua wanita Brunei menerima Anugerah Masa Depan Wanita Asia Tenggara atas pencapaian masing-masing.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dalam Perutusan sempena Hari Wanita Antarabangsa 2020.

Yang Berhormat juga berbangga dengan kejayaan dua orang pengusaha yang menerima anugerah di Women 2020 Entrepreneurship Summit : Perspectives of the Global Woman of Impact, di Republik Filipina.

Menurut Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Tenaga Buruh 2018 yang dijalankan oleh

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, kaum wanita merangkumi 42 peratus jumlah tenaga kerja, di mana kadar pekerjaan bagi wanita yang berumur di antara 25 ke 64 tahun meningkat daripada 87 peratus (Tahun 2014) menjadi 89 peratus (2018).

"Dalam sektor awam, setakat November 2019, kaum wanita merangkumi 55 peratus daripada 50,768 jumlah tenaga pekerja perkhidmatan awam. Walau bagaimanapun, kaum wanita hanyai berjumlah 38 peratus dalam tenaga kerja sektor swasta dan ini jelas menampakkan potensi yang amat besar bagi kita sama-sama menyokong dan memperkasakan lagi penglibatan wanita dalam pembangunan ekonomi negara," jelas Yang Berhormat.

Oleh itu, ujar Yang Berhormat, dalam usaha Negara Brunei Darussalam untuk turut meraikan Hari Wanita Antarabangsa, beberapa aktiviti dan program

pembangunan, pengupayaan juga kesaksamaan wanita disusun dengan kerjasama bersepada rakan-rakan strategik, bukan sahaja dalam kalangan agensi-agensi kerajaan, bahkan juga penglibatan pihak perwakilan asing, sektor swasta dan lain-lain dengan menganjurkan, antara lain Ekspo atau Marketplace, khusus untuk mengetengahkan perniagaan dan syarikat yang didirikan atau diketuai oleh kaum wanita, dengan mempamerkan produk juga perkhidmatan masing-masing, seterusnya mewujudkan rangkaian komuniti tempatan.

Inisiatif ini juga kata Yang Berhormat, akan melibatkan perniagaan-perniagaan kaum wanita yang terdiri daripada *vulnerable groups*, seperti ibu-ibu tunggal, warga emas dan yang berkelainan upaya, untuk membantu menyerlahkan usaha mereka, seperti Bengkel yang bertemakan 'Pemeriksaan Wanita di Negara Brunei Darussalam' juga program perkongsian bersama wanita-wanita berkerjaya dan terlibat dalam bidang keusahawanan.

Terdahulu Yang Berhormat menyentuh mengenai tarikh 8 Mac setiap tahun yang diisytiharkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai Hari Wanita Antarabangsa bagi menghargai peranan dan pengorbanan wanita juga mengiktiraf pencapaian wanita dalam pelbagai bidang, termasuk sosial, ekonomi, budaya dan politik.

Oleh itu, Hari Wanita Antarabangsa diraikan secara global sebagai platform untuk memberikan pengiktirafan sewajarnya kepada golongan wanita terhadap sumbangan kepada pembangunan negara, di samping sebagai perangsan kepada kaum wanita untuk terus bergiat aktif ke arah pembangunan keluarga, masyarakat dan negara.

"Tumpuan tema pada tahun 2020 ini ialah 'An Equal World is an Enabled World' dengan hashtag #Eachforequal. Tema ini mengajak kaum wanita untuk terus menyuntik keazaman

bagi meneruskan langkah pro-aktif dalam usaha membentuk masyarakat dunia yang ada jati diri juga mampu mengharungi cabaran semasa dan memberi tumpuan kepada cara-cara inovatif untuk meningkatkan kesaksamaan," ujar Yang Berhormat.

Negara Brunei Darussalam tegas Yang Berhormat, memang komited dalam membincangkan isu semasa wanita di arena antarabangsa sepetimana pada 7 hingga 12 Oktober 2019 lalu, Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah dan Pengurus Mesyuarat Komiti ASEAN mengenai Wanita (ACW) dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan Ke-18 dengan tema mesyuarat 'Enriching Resilience of Young Women as Agents of Change'.

Tema tersebut dipilih bagi menunjukkan komitmen negara ke arah memperkasakan kedayatahanan belia wanita sebagai ejen perubahan dalam membantu pembangunan keluarga, masyarakat, negara, seterusnya Komuniti ASEAN yang lebih kuat.

Mesyuarat tersebut berhasil membincangkan dan mengeratkan kerjasama dengan bertukar pengalaman terbaik serantau dalam enam bidang kolaborasi utama, iaitu Promotion of Women Leadership; Non-Gender Stereotyping and Social Norms Change; Gender Mainstreaming Across the Three ASEAN Community Pillars; Elimination of Violence against Women; Economic Empowerment of Women; and Protection and Empowerment of Women in Vulnerable Areas.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat, Negara Brunei Darussalam juga menganjurkan Forum Serantau pada 10 Oktober 2019, iaitu *Regional Forum on Social Protection Policy Focusing on Elderly Women and Ageing*, yang mengetengahkan isu penuaan penduduk yang menunjukkan majoriti penduduk di rantau Asia Pasifik yang berumur 60 tahun ke atas adalah golongan wanita.

Sehubungan itu kata Yang Berhormat, bagi menangani isu penuaan, dasar-dasar sosial perlu merangkumi semua aspek dan meliputi kesihatan, kebajikan dan jaminan insurans diri yang kukuh, khusus untuk memeduli warga



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada Perutusan sempena Hari Wanita Antarabangsa 2020.

emas, termasuk wanita warga emas.

Yang Berhormat juga menjelaskan pertubuhan-pertubuhan dan persatuan-persatuan bukan kerajaan di negara ini juga turut giat mengadakan program pemeriksaan ekonomi, perusahaan sosial bagi para pengusaha kecil wanita dan aktiviti pengupayaan, terutama bagi golongan wanita yang memerlukan.

Kesinambungan dengan perkara itu menurut Yang Berhormat, strategi-strategi perlaksanaan dan pengukuhkan mekanisme-mekanisme amat memerlukan penyertaan aktif wanita secara berkesan dalam proses meningkatkan kualiti kehidupan wanita dan sama-sama melipatgandakan usaha bagi mencapai matlamat pembangunan masyarakat yang mampam.

Yang Berhormat menyeru orang ramai agar sama-sama meraikan dan menghargai pengorbanan dan sumbangan kaum wanita di negara ini kerana mereka merupakan aset yang amat bernilai juga amat penting, di mana mereka berganding bahu bersama masyarakat bagi mencapai kemajuan ekonomi, kesejahteraan keluarga, pembangunan sosial dan kemakmuran negara.

"Selamat Hari Wanita Antarabangsa kepada seluruh kaum Wanita di Negara Brunei Darussalam," ucap Yang Berhormat.

Kunjungan Universiti Osaka ke UNISSA



BICARA Khas bertajuk 'Teaching Arabic at Osaka University : Exploring Collaboration with a Variety of Disciplines in UNISSA', disampaikan oleh Pengarah Pengajian Bahasa Arab, Universiti Osaka, Jepun, Profesor Kumiko Kondo.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab menganjurkan Bicara Khas bertajuk 'Teaching Arabic at Osaka University : Exploring Collaboration with a Variety of Disciplines in UNISSA', disampaikan oleh Pengarah Pengajian Bahasa Arab, Universiti Osaka, Jepun, Profesor Kumiko Kondo.

Hadir bersama beliau, Profesor Quamrul Hassan, Centre of Global Initiatives dari universiti yang sama.

Bicara Khas tersebut menyentuh mengenai Sejarah Pengajian bahasa Arab di Jepun.

Ia juga membincarkan mengenai pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Jepun, khususnya pengalaman juga cara pendekatan dalam mengajar bahasa Arab di Universiti Osaka.

Acara berkenaan juga merupakan salah satu pengisian kunjungan wakil Universiti Osaka ke UNISSA, di mana antara objektif kunjungan ialah sebagai platform bagi mengenal dengan lebih dekat lagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di UNISSA, di samping membuka ruang juga peluang kepada kedua-dua institusi untuk meneroka bidang-bidang, program-program atau aktiviti-aktiviti yang dapat dilakukan secara kolaborasi.

Turut hadir pada acara tersebut, Dekan Fakulti Bahasa Arab, Profesor Madya Dr. Siti Sara binti Haji Ahmad; Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan Halalan Tayyiban, Pengiran Dr. Hajah Norkhairiah binti Pengiran Haji Hashim; dan tenaga akademik juga mahasiswa UNISSA.

Lampu isyarat pusing keliling Jalan Utama Mentiri mula beroperasi

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Mac. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai, terutama sekali pengguna-pengguna jalan raya bahawa kerja-kerja pengubahsuaian pusing keliling ke persimpangan empat berlampa isyarat di persimpangan Jalan Kota

Batu / Jalan Utama Mentiri siap dilaksanakan.

Oleh yang demikian, sistem lampu isyarat di persimpangan berkenaan akan mula beroperasi pada Ahad, 8 Mac 2020 bermula jam 9.00 pagi.

Sehubungan itu, JKR ingin mengingatkan kepada pengguna-pengguna jalan raya supaya akan mengambil langkah

berhati-hati ketika melalui persimpangan berkenaan juga mematuhi papan-papan tanda keselamatan dan lalu lintas yang dipasang di kawasan berkenaan demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak dingini berlaku.

Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak jabatan tersebut melalui Talian Darussalam : 123 / Facebook : Jabatan Kerja Raya, Brunei Darussalam dan e-mel JKR : pro@pwd.gov.bn.

Pastikan dasar selari tuntutan Islam

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah



RA'ES KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, selaku Pengerusi Bersama Majlis semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Mac. - Maqasid Syariah adalah merupakan salah satu elemen penting yang diambil kira dalam proses penentuan sesetengah hukum syarak bagi permasalahan-permasalahan dan isu-isu semasa.

Kepentingan dan peranan Maqasid Syariah tidak sahaja terhad pada penentuan dalam sesuatu permasalahan hukum, bahkan penggunaannya adalah lebih meluas untuk diaplikasikan dalam sistem pembangunan sesebuah negara Islam dalam usaha untuk memastikan penggubalan dasar-dasar dan polisi-polisi yang berkaitan dengan sosial, ekonomi dan politik supaya selari dengan tuntutan dan lunas-lunas Islam.

Kesannya, penerapan elemen Maqasid Syariah dalam semua aspek kehidupan boleh memberikan nilai-nilai kesejahteraan sejermuknya dianjurkan oleh ajaran Islam.

Demikianlah kesimpulan Ceramah Khas bertajuk 'Maqasid

CERAMAH Khas yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar pada Majlis Perhimpunan Khas sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 1441H / 2020M bagi Warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Syariah' yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar pada Majlis Perhimpunan Khas sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 1441H / 2020M bagi Warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Katok, di sini.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia

Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

Pada majlis tersebut, Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar selaku Pengerusi Bersama dalam ucapan alu-aluannya, antara lain melahirkan harapan agar pengisian acara pada kali ini akan menjadi inspirasi kepada semua yang hadir, untuk terus bekerjasama berbuat amal kebajikan, berasaskan keimanan, ketakwaan dan keikhlasan dalam menunaikan amanah kepada umat, negara, bangsa, keluarga dan diri sendiri demi mendapatkan keridaan Allah Subhanahu

Wata'ala.

Terlebih dahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Saiyyidul Istighfar dan nyanyian Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan'.

Majlis diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran Al-Karim oleh Awang Haji Manan bin Haji Osman dari KUPU SB.

Beberapa persembahan bagi menyemarakkan lagi semangat sambutan hari kebangsaan pada tahun ini, termasuk persembahan Puisi, berjudul 'Lewat Gerbang Kemerdekaan' oleh Dayang Nurul Amalina binti Abdul Majid dan menambah Syair al-Marhum bertajuk 'Syair Asli Rajang Hari -

Muda Omar 'Ali Saifuddin' yang dibacakan oleh Dayang Amal Nazirah binti Haji Asmat.

Selain itu, persembahan Pantomin yang bertajuk 'Mensyukuri Nikmat Kemerdekaan' yang dijayakan oleh pegawai-pegawai dan Guru-guru Ugama dari Jabatan Pengajian Islam.

Acara bertujuan bagi menyuntik rasa cinta kepada tanah air, seterusnya meningkatkan semangat patriotik melalui kesenian dan kebudayaan berteraskan Melayu Islam Beraja.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.




ACARA diserikan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Saiyyidul Istighfar beramai-ramai.



PARA pegawai dan kakitangan KHEU yang menghadiri perhimpunan tersebut (atas dan kanan).

60 sertai bengkel menghalusi sembahyang

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



SERDANG, Ahad, 8 Mac. - Bengkel Menghalusi Sembahyang anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Serdang mengetengahkan kepada para peserta tentang mempelajari dan menghalusi bacaan dalam sembahyang.

Hal ini kerana sembahyang merupakan ibadah yang penting, iaitu sehari semalam kita beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ketua Imam masjid berkenaan,

KETUA Imam Masjid Serdang, Pengiran Haji Rusman bin Pengiran Haji Shahbudin selaku tenaga pengajar Bengkel Menghalusi Sembahyang anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Serdang.



Pengiran Haji Rusman bin Pengiran Haji Shahbudin selaku tenaga pengajar bengkel menekankan dalam beribadah kita sering lupa bahawa terdapat perkara-perkara dan bacaan-bacaan yang sering kita cuai mengerjakannya dengan sempurna.

Jelasnya, dengan perangai 'tidak mahu berubah' menyebabkan kadang-kadang kita menyalahi beberapa perbuatan, perkataan dan sering mendahului imam dalam bacaan dan dalam beberapa rukun dalam sembahyang.

"Dengan kesalahan-kesalahan dan kecuanian yang tidak sepertutnya berlaku, ini boleh mengurangkan pahala ibadah kita, menghilangkan kekusukan dan kadangkala boleh membatakan sembahyang," tegasnya.

Oleh itu, beliau sama-sama mengingatkan bahawa kita haruslah menyempurnakan ibadah sembahyang dengan sempurna kerana ibadah itu ialah kunci dan tiang agama juga kita perhatikan dan sama-sama muhasabah diri, di mana terjadinya kelalaian, kecuanian dan

ketidaksempurnaan kita beribadah menyembah Ilahi.

Beliau turut berharap dengan adanya bengkel itu, kita dapat menghalusi bacaan dalam sembahyang kita dan mencapai seperti apa yang dihasratkan juga menambahkan kekusukan dan mencapai keimanan juga kemanisan beribadah.

Seramai 60 peserta, yang terdiri daripada jemaah dari kampung sekitar mengikuti bengkel selama tiga hari sejurus selesai menuaikan Sembahyang Faru Maghrib bermula hari ini.



ANTARA yang menyertai Bengkel Menghalusi Sembahyang anjuran Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Serdang (kiri dan atas).



DUTA Women Techmakers Brunei, Dayang Saedah binti Hasnal.

BERAKAS, Ahad, 8 Mac. - Women Techmakers Brunei dan Google Developers Group (GDG) Brunei hari ini mengadakan perbincangan teknikal dan potensi insaniah (*soft skill*) dan Pertandingan Capture-The-Flag Wanita sempena Hari Wanita Antarabangsa (IWD) 2020 di Kampus Royal Brunei Airlines (RBA), Jalan Kustin, di sini.

Duta Women Techmakers Brunei, Dayang Saedah binti Hasnal menjelaskan, program yang disertai lebih kurang 130 peserta tersebut, antara lain bertujuan untuk meningkatkan

Tingkat penglibatan wanita dalam bidang teknologi

Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

kepelbagai dan penglibatan di dalam bidang teknologi bagi para wanita.

"Kesemua program yang diadakan Women Techmakers Brunei sememangnya percuma bagi sesiapa sahaja yang ingin menyertai dalam usaha kami untuk meningkatkan inklusiviti, terutama bagi golongan wanita."

Program ini merangkumi pelbagai topik, yang bukan sahaja teknikal, bahkan mempunyai topik-topik dari segi *soft skill* seperti *women empowerment, how to be more confident* dan banyak lagi," jelasnya.

Ketua GDG Brunei, Ho Ying Ying juga berkata, "Secara ideal, acara ini akan menggalakkan dan memberi inspirasi kepada lebih ramai wanita untuk meneruskan minat kepada teknologi.

"Kami mahu membina komuniti wanita yang lebih besar dalam teknologi, di mana kita semua boleh belajar sesama sendiri," terangnya.

IWD yang disambut pada setiap 8 Mac tersebut turut mendapat

sokongan daripada RBA, eBunda, Information Technology Protective Security Services Sdn. Bhd. (ITPSS) dan Printmartz.

ANTARA yang hadir pada perbincangan teknikal dan potensi insaniah (*soft skill*) dan Pertandingan Capture-The-Flag Wanita sempena Hari Wanita Antarabangsa (IWD) 2020 (kanan dan bawah).



JHEM anjur Pertandingan Membaca Al-Quran



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU (dua, kiri) menyampaikan hadiah kepada Kumpulan Pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang juara bagi Kategori Lelaki.

JERUDONG, Sabtu, 7 Mac. - Dalam usaha bagi memupuk semangat dalam kalangan kanak-kanak Kelas Al-Quran dan Muqaddam di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara agar celik Al-Quran juga menjadikannya satu amalan harian yang berpanjangan Kementerian

Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong mengadakan Pertandingan Membaca Al-Quran Secara Muratal Bagi Kelas Al-Quran dan Muqaddam di masjid, surau dan

balai ibadat seluruh negara sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 Masihi yang diadakan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan tersebut, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Sebanyak 18 buah pasukan mengikuti pertandingan tersebut, terdiri daripada sembilan pasukan lelaki dan sembilan



PERSEMBAHAN daripada juara Kategori Perempuan yang dimenangi oleh Kumpulan Pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Masjid Kampung Tanah Jambu (kiri). Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

pasukan perempuan.

Acara ini diadakan dengan tujuan untuk melahirkan kanak-kanak yang boleh membaca Al-Quran dengan lancar dan sempurna, di samping menggalakkan para kanak-kanak membaca Al-Quran sebagai satu amalan harian, sekali gus mampu menanai hasrat kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berhasrat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam ini sebuah Negara Zikir.

Pertandingan tersebut dijuarai oleh Kumpulan Pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang bagi Kategori Lelaki dengan meraih markah 85 peratus dan bagi Kategori Perempuan dimenangi oleh Kumpulan Pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Masjid Kampung Tanah Jambu dengan markah 81 peratus.

Pertandingan ini bertujuan menjadikan lebih ramai dalam kalangan kanak-kanak celik

Al-Quran dan melalui acara ini juga dihasrat akan dapat menjadikan masjid sebagai pusat penyebaran dakwah kepada masyarakat umum, seterusnya dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan peserta.

Sementara itu, bagi kategori lelaki, berada di tempat kedua dan ketiga, masing-masing disandang oleh Kumpulan Pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kampung Rimba dengan memperoleh markah 77 peratus dan Kumpulan Pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Masjid Rancangan Perumahan Negara Bukit Beruang dengan markah 75.5 peratus.

Bagi kategori perempuan, berada di tempat kedua, Kumpulan Pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Masjid Kampung Kasat dengan memperoleh markah 77 peratus dan di tempat ketiga, Kumpulan Pelajar Kelas Al-Quran dan Muqaddam, Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel dengan markah 72.5 peratus.



Uji kesiapsiagaan, kemahiran pekerja



LATIHAN Kebakaran dan Pengosongan Bangunan (In House Fire Drill) di Bangunan Brunei Gas Carrier (BGC) Jerudong yang melibatkan seramai 63 orang (atas dan kanan).

JERUDONG, Sabtu, 7 Mac. - Bahagian Perhubungan Awam, Cawangan Operasi 'F', Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) baru-baru ini mengajurkan Latihan kebakaran dan

Pengosongan Bangunan (In House Fire Drill) di Bangunan Brunei Gas Carrier (BGC) Jerudong yang melibatkan seramai 63 orang.

Latihan kebakaran bermula

dengan terjadinya kebakaran pada sebuah bilik di tingkat dua bangunan.

Semasa latihan tersebut juga diadakan Latihan Pengosongan yang dijalankan di seluruh kawasan bangunan dan tunjuk cara penggunaan Fire Hose Reel.

Objektif latihan berkenaan adalah untuk memastikan kesiapsiagaan dan menguji kemahiran semua pekerja, di samping mengadakan latihan praktikal bagi meningkatkan kesedaran, memupuk rasa tanggungjawab dan mengambil berat tentang aspek-aspek keselamatan kebakaran di premis; dan mengesahkan keberkesanan prosedur bagi pengosongan bangunan yang lebih efektif dan bersistematis yang dijalankan oleh pihak JBP dan pihak Syarikat BGC.

Kebakaran boleh berlaku pada bila-bila masa, oleh itu JBP menyarankan kepada orang ramai untuk meningkatkan lagi kewaspadaan dan aspek keselamatan agar terhindar daripada perkara yang tidak

diingini berlaku dan sekiranya berlaku sebarang kecemasan hendaklah menghubungi Talian Kecemasan Bomba menerusi

talian 995 dengan memberikan maklumat yang tepat.

Keselamatan kebakaran adalah tanggungjawab bersama.



سِرْدَلِ الْمُسْعِي

قَلْبٌ سَلِيمٌ

مپموع تالي صلة الرحم، دان بارغسياف برليمان كفڈ الله دان هاري أخيرة، هنديله اي برکات بايك اتو ديم.

جماعه يع درجمتي الله،

رسول الله ﷺ اد مغاجركن دعاء أكثر دكربنياكن قلب سليم يياتي هاتي يع برسبيه. درڈ شداد بن أوس بهوا رسول الله ﷺ ددام سميهعن بردعاه:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسأَلُكَ النِّبَاتَ فِي الْأَمْرِ وَالْعِزْمَةِ عَلَى الرِّئْدِ وَأَسأَلُكَ شُكْرَ نِعْمَتِكَ وَحُسْنَ عِبَادَتِكَ وَأَسأَلُكَ قَلْبًا سَلِيمًا وَلِسَانًا صَادِقًا وَأَسأَلُكَ مِنْ خَيْرِ مَا تَعْلَمُ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا تَعْلَمُ وَأَسْتَغْفِرُكَ لِمَا تَعْلَمُ
{رواه الإمام النسائي}

مقصودن:

يا الله، اکو موهون کثدمو کتابهن هاتي دالم مغهادي سموا أوروسن، دان تيکد يع قواه دالم منجاري کبرنان، دان اکو موهون کثدمو انتوق سنتياس منشکوري نعمتمو، دان اکو موهون کثدمو هاتي يع سلامه، لسان يع سنتياس حوجور، دان اکو موهون کثدمو دري کایاکن يع أغکو کتهوي، دان اکو موهون امقونموم ترهادف سکل کسالهن يع أغکو کتهوي.

سباككي أومة إسلام، ماريله کيت سنتياس برأسها منجاوهي فرکارا ۲۱ يع بوله ملايیکن دان ماتيکن هاتي سفترت مغومقة، منجاجي، مغادو دومبا، مفینه دان سباكين. مدهماهن دعن کيت منجاوهي سکل صفة يع تيدق بايك ايت، کيت اکن ترکولوغ دالم کولوغ دعن اورع ۲ يع مغوباي قلب سليم يع سنتياس مغایعي دان منجيتناي الله سبحانه وتعالى دان رسولن. آمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجَلَّتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُتْبَعَ عَلَيْهِمْ

إِيَّاهُمْ رَازَدُهُمْ إِيمَانًا وَعَلَى رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ
⑥

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

{ سورة الأنفال آية ۲ }

تفسير:

سشعکوهن اورع ۲ يع (بنر ۲) برليمان ايت اياله مريک يع افیل دسویت نام الله کمنزله هاتي مريک دان افیل دباجکن کفڈ مريک آية ۲۲، برقمبه (قواة) يمان مريک دان هان کفڈ توھن مريک سهاجله مريک برتوکل.

بارک الله لنا في القرآن العظيم، وتفعنا بالآيات والذكر الحكيم. وتقبل مينا تلاؤته إن الله هو السميع العليم، وأستغفر الله العظيم لي ولكل ولسايور المسلمين وألمسلمات وألمؤمنين وألمؤمنات فاستغفروه فيما فوز المؤمنين وبالجنة التائبين.

کدوا: قلب مريض (هاتي يع ساکيت) يياتي هاتي يع دفنوهي دعن قلباکي فباکيت سفترت صفة رباء، حسد، عجب (بعکا ديري) دان سباکين. جك تيدق دراوت، اي بوله ماتيکن هاتي.

کيت: قلب ميت (هاتي يع ماتي) يياتي هاتي يع ترتوتوف درڈ منزها سکل نصیحة کران تله دکاول اوله هاوا نشسو دان شیطان سهیغک برقالیع درڈ مغایعي الله سبحانه وتعالى.

جماعه يع درجمتي الله، ممليکي قلب سليم مروفاکن ياعفين سيف اومة إسلام. اکن تاتي، باکيمانکه جاران انتوق کيت ممليکين؟

سشعکوهن انتوق مغکافاي اتو ممليکي قلب سليم ايت، کيت هنديله سنتياس منجاک دان ملیهارا دوا فرکارا ييات فرتام: حَلَّ مِنَ اللَّهِ يَأْتِي هوبوغن انتارا مخلوق دعن خالقين ييات فنجيتنان، کدوا: حَلَّ مِنَ النَّاسِ ييات هوبوغن انتارا سسام مأنسي.

فرلو دكتهوي، مقصود منجاک هوبوغن منجاک هوبوغن دعن الله سبحانه وتعالى ايت اياله، کيت هنديله سنتياس مغایکوتی سکل فرنیته الله سبحانه وتعالى دان منیعکلکن سکل لارغنهن، سنتياس مندکنکن ديري کفڈ دعن ملاکوکن عمل صالح دان عمل کباجین.

سشعکوهن سالین منجاک هوبوغن دعن الله سبحانه وتعالى، کيت هنديله جوك منجاک هوبوغن صلة الرحم انتارا سسام مأنسي سفترت بربوتات بايك کفڈ قوم کلوارك، سودارا مارا، جیران تشكال، صحابة هندي، راکن سکرحا دان سأومشمان. سالین ايت، کيت هنديله جوك سالیع تولوغ-منولوغ دالم فرکارا ۲۱ کایاکن دان برکاجین، مینتو اورع ۲ يع سوسه دان يع ملرولکن بتوان، برسون سنتون دان بروبودي بهاس دالم تیغکه لاکو دان توتور بيجارا، سنتياس برمانیس موکا افیل برسوا دان برکور ساف دان سباكين.

کتهویله، کسمفورنأن دان کمتنفن يمان سسئورع ايت بوکنه هان ساكت برليمان دعن روکون يمان يع ام بهکن معهوبوغکن صلة الرحم جوك اداله انتارا جایع ۲ يمان. اوله ايت، اکام کيت ماغنخورکن اومتن انتوق سنتياس منجاک دان ملیهارا هوبوغن صلة الرحم. درڈ أبو هریثة رضی الله عنہ، رسول الله ﷺ برسیدا:

جاعه يع درجمتي الله، برتفوى له کيت کفڈ الله سبحانه وتعالى دعن سبتر-بتر تقوى ييات دعن منیغکتکن کیمانن کفڈن. سشعکوهن اورع يع فالیع برتفوى. مدهماهن کيت منجادی سبحانه وتعالى اياله اورع يع فالیع برتفوى. مدھماهن کيت منجادی إنسان يع سنتياس مغایعي الله سبحانه وتعالى، برأوله کچیان دان کسلامن دنیا دان جوک دأخیره.

الله سبحانه وتعالى برفرمان دالم سورة التين، آية ۴:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

لَقَدْ حَلَقْنَا إِلَيْهِنَّ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمِ ①

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسير:

سشعکوهن کامي تله منجیتاکن مانسي دالم بنتوق يع سبایک ۲۲.

جماعه يع درجمتي الله، الله سبحانه وتعالى تله منجیتاکن مانسي دعن توبه بدان يع جوکوف سقورنا. ساله ساتو جیچیتان الله سبحانه وتعالى قد توبه بدان مانسي يع فالیع إيستمیوا اياله هاتي. هاتي مغوبیای فران يع ساعه بسر کران اي منتوکن دان منجورق جارا هیدوف سسئورغ. کتهویله، بهوا هاتي ايت اداله عبارت راج منکل أغکوتا توبه بدان يع لاین ڤول اداله ٹقاولن. هاتيله يع مریتکن سکل تیندقن يع دلسناکن اوله أغکوتا ۲ بدان يع لاین.

سباككي أومة إسلام، کيت هنديله سنتياس برأسها منجاک هوبوغن دعن الله سبحانه وتعالى منجاک هاتي دعن سبایک-بايك اکر هاتي کيت سنتياس منمفوہ جالن کایاکن دان کباجین سسوای دعن فرنیته أکام دان سورونهن الله سبحانه وتعالى. این کران جك هاتي ايت روسق، مک رسقله سلوروه أغکوتا بدان دان جك هاتي ايت برسبيه دان بايك، مک بايکله سلوروه أغکوتا بدان. درڈ ُعَمَّان بْنَ بَشِّيرٍ رضي الله عنه، رسول الله ﷺ برسیدا:

إِنِّي فِي الْجَسَدِ مُضْعَفٌ إِذَا صَلَحْتَ صَلَحْتَ الْجَسَدَ كُلَّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَتْ كُلَّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقُلْبُ.

{ رواه الإمام البخاري }

مقصودن:

سشعکوهن دالم ديري مانسي ايت اد سکول داکیع. افیل داکیع ایت بايك، مک بايکله سلوروه أغکوتا. دان افیل داکیع ایت روسق، رسقله سلوروه أغکوتا، کتهویله ایتلہ هاتي.

سشعکوهن هاتي ايت دبهاکیکن کفڈ تیک، ييات:

ثرات: قلب سليم (هاتي يع برسبيه) ييات هاتي اورع ۲ يع برليمان، يع هیدوف دعن ذکر الله دان سنتياس تربوک انتوق منزها نصیحة دعن فتوه کطاعتن سهیغک منجادیکن فمليکي سنتياس برادا دالم کشن دان کسجهرأن.

{ رواه الإمام البخاري }

مقصودن:

بارک الله دان کفڈ الله دان هاري آخره، هنديله اي مولیاکن تامون، دان بارغسياف برليمان کفڈ الله دان هاري آخره، هنديله اي


IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI www.recruitment.gov.bn

TARIKH IKLAN : 09 MAC 2020
TARIKH TUTUP : 23 MAC 2020

PERATURAN 7(A)
BILANGAN IKLAN 19/03/20 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI PENAKSIR TANAH
B.2 EB.3 / B.2 (BAHAGIAN II)
 JABATAN TANAH
 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
KEKOSONGAN = SATU (01)
2020/0010/07

2. GURU
G.8 (BAHAGIAN III)
 KEMENTERIAN HAL EHWAL
 UGAMA
KEKOSONGAN = SATU (01)
2020/0010/01

3. PENGAWAS TINGKAT II
D.3 EB.4 (BAHAGIAN IV)
 JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
 KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
 DAN PELANCONGAN
KEKOSONGAN = SATU (01)
2020/009/07

PERATURAN 38(B)
BILANGAN IKLAN: 17/2020 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di kementerian / jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan.

1. PEGAWAI PELAJARAN KANAN
G.15 (BAHAGIAN II)
 JABATAN PERANCANGAN, PERKEMBANGAN DAN
 PENYELIDIKAN
 KEMENTERIAN PENDIDIKAN
KEKOSONGAN = SATU (01)
2020/009/03

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temu duga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn



JABATAN KERJA RAYA
 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS :

V (IV, V & VI) SAHAJA
 KATEGORI : [KA01 SAHAJA] - KOD BAHRU

TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :
 7 APRIL 2020 (SELASA)
 TIDAK LEWAT DARI
 JAM 2.00 PETANG

BILANGAN :
JKR / DDS 004 / 2020 - (CDE).T.V

NAMA PROJEK :
MENAIKKAN TARAF SISTEM SALIRAN SG. AKAR

YURAN TAWARAN :
BND500.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

E - DOKUMEN :
BND5.00

JABATAN DAERAH
 TUTONG
 KEMENTERIAN
 HAL EHWAL DALAM
 NEGERI



JABATAN DAERAH TUTONG
 KEMENTERIAN HAL EHWAL
 DALAM NEGERI

JABATAN PERIKANAN
 KEMENTERIAN
 SUMBER-SUMBER
 UTAMA DAN
 PELANCONGAN

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA
 JABATAN PERIKANAN
 KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
 UTAMA DAN PELANCONGAN
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN SEBUT HARGA :
IKAN / 78(Q) / 0019 / 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
**'SUPPLY AND DELIVERY OF
 REGENERATIVE / SIDE CHANNEL
 RING BLOWER'**

TARIKH TUTUP :
 Isnin, 16 Mac 2020, jam 2.00 Petang



JABATAN
 PERBENDAHARAAN
 KEMENTERIAN
 KEWANGAN DAN
 EKONOMI

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

Bilangan Sebut Harga :
JPKK / JKSH1920-QTN.35 / BTM

Tajuk Sebut Harga :
**PEMBEKALAN PRODUK SYMANTEC
 BAGI SISTEM E-INVOICE BAGI
 JABATAN PERBENDAHARAAN,
 KEMENTERIAN KEWANGAN DAN
 EKONOMI**

Tarikh tutup / jam :
 Sabtu, 21 Mac 2020, jam 9.00 Pag



BILANGAN TAWARAN :
Q.JDT / 01 / 2020

TAJUK TAWARAN :
**QUOTATION FOR RENTAL OF
 PHOTOCOPIER MACHINES FOR
 A PERIOD OF 24 MONTHS**

YURAN TAWARAN :
BND10.00

TARIKH TUTUP :
 ISNIN,
 23 MAC 2020
 JAM 2.00 PETANG



JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

JAWATAN KOSONG SEBAGAI

**PENGHULU MUKIM TINGKAT III -
PMKK.4 (BND3,880.00 - BND4,240.00)**

BAGI DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. Mukim Kianggeh
2. Mukim Zon 1 Kampong Ayer - (Mukim Tamoi, Mukim Burong Pingai Ayer, Mukim Saba, Mukim Peramu, Kampung Sungai Siames / Kampung Ujung Klinik dan Kampung Sungai Kedayan)
3. Mukim Zon 2 Kampong Ayer - (Mukim Sungai Kebun)

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Brunei dan Muara dengan suacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Brunei dan Muara untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Penghulu Mukim bagi mukim-mukim di Daerah Brunei dan Muara.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN CALON PENGHULU MUKIM TINGKAT III

1. Calon Penghulu Mukim hendaklah :

(i) Seorang lelaki yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(ii) Berumur tidak kurang tiga puluh (30) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.

(iii) Beragama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah Mazhab Ash-Shafiee.

(iv) Mempunyai pengetahuan baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat mukim berkenaan.

(v) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap

pemedulian dan prihatin.

(vi) Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibu bapanya di mukim ia memohon sebagai Penghulu Mukim tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.

(vii) Calon yang tidak memenuhi syarat di 1 (vi) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di mukim yang ia memohon untuk menjadi Penghulu Mukim dan hendaklah tinggal dan menetap di mukim tersebut apabila dilantik sebagai Penghulu Mukim sama ada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibu bapanya di mukim berkenaan.

(viii) Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan diberasarkan jika dilantik sebagai Penghulu Mukim dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.

(ix) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang Penghulu Mukim.

(x) Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tataatirib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan atau di pihak swasta atau dalam mana-mana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.

(xi) Tidak diisyiharkan sebagai seorang Muffis di bawah undang-undang yang berkua kuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.

(xii) Calon-calon hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Tinggi (HND) atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau yang sebanding dengannya serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman

kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Usgama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatkuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(d) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan dari Ketua Jabatan atau Majikannya, serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah merupakan satu kelebihan.

atau

(a) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat I bagi kampung di dalam mukim berkenaan tidak kurang selama lima (5) tahun.

(b) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(c) Mempunyai pengalaman dalam memimpin kampungnya dalam mengadakan projek-projek atau aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada perpaduan, keharmonian, kesejahteraan dan keselamatan kampung.

(d) Telah juga menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat I.

TATACARA PENCALONAN PENGHULU MUKIM

1. Setiap pencalonan bagi mengisikan jawatan Penghulu Mukim mestilah dibuat mengikut tatacara berikut :

(a) Calon hendaklah dicalonkan dengan menggunakan Borang Khas Pencalonan yang disediakan oleh Jabatan Daerah dengan ditandatangani oleh seorang Pencadang dan dua (2) orang Penyokong. Borang Khas Pencalonan hendaklah juga ditandatangani oleh calon

sebagai pernyataan pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya.

(b) Penamaan calon hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Daerah sebelum tarikh penutupan pencalonan dan sebarang penamaan calon selepas tarikh tutup pencalonan adalah tidak sah dan tidak diterima.

(c) Calon yang tidak menandatangani Borang Khas Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon.

(d) Penarikan diri daripada pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Daerah tidak lewat 30 hari daripada tarikh pencalonan.

2. Calon, Pencadang dan Penyokong

(a) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pencalonan.

(b) Pencadang dan Penyokong hendaklah penduduk mukim berkenaan dan tinggal menetap di mukim tersebut pada tarikh tutup pencalonan.

(c) Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadangkan dan menyokong seorang calon sahaja.

(d) Pencadang dan Penyokong boleh dicalonkan.

TATACARA MENGHADAPKAN BORANG PENCALONAN :

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dikembalikan ke alamat seperti berikut :

**Unit Pentadbiran
Bahagian Institusi Penghulu Mukim dan
Ketua Kampung
Jabatan Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Rabu, 14 Syaaban 1441 bersamaan 8 April 2020, jam 4.00 Petang**.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian +673 2381408 / +673 2381117



MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 519 / 2019

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **EFRILYN ENRIQUEZ SMITH** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **GERALD WALLACE ALLAN** yang telah meninggal dunia di **REPUBLIK TRINIDAD DAN TOBAGO** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **10 MAC 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Februari 2020.

SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 601 / 2019

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SALLEHUDIN BIN**

HAJI TINGGAL kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH NORITA BINTI HAJI ZAIN** yang telah meninggal dunia di **NEGARA BRUNEI DARUSSALAM** dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **10 MAC 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Februari 2020.

(MAHMUD ZUHDI BIN KARIM)

Pemangku Penolong Pegawai Waris
b.p Penolong Pegawai Waris
Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

KES NO. BCY / CP / 425 / 2019

BIBD AT-TAMWIL BERHAD

- Pemiuatang / Pemetisyen

MOHAMMAD ISA BINTI HJ. YUSOP

(BYIC No. 00-315103)

- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUATANG

TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **16 November 2019**.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiuatang-pemiuatang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-1)** Mahkamah Besar pada **10 Mac 2020, jam 9.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **10 Mac 2020, jam 9.00 Pagi**.

Mana-mana pemiuatang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyatakan penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 14 Januari 2020

KES NO. BCY / CP / 305 / 2019

BIBD AT-TAMWIL BERHAD

- Pemiuatang / Pemetisyen

CHEU SING YAP

(BYIC No. 01-063374)

- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUATANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **10 Oktober 2019**.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiuatang-pemiuatang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, **Tingkat 2, Bilik (R2-1)** Mahkamah Besar pada **10 Mac 2020, jam 2.45 Petang**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **10 Mac 2020, jam 2.45 Petang**.

Mana-mana pemiuatang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyatakan penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 18 Februari 2020

HARNITA ZELDA SKINNER

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar


**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**
JAWATAN KOSONG SEBAGAI**KETUA KAMPUNG TINGKAT I PMKK.3**

(BND2,270.00 - BND4,240.00)

atau

KETUA KAMPUNG TINGKAT II PMKK.2

(BND1,990.00 - BND2,970.00)

atau

KETUA KAMPUNG TINGKAT III

PMKK.1

(BND1,280.00 - BND2,270.00)

bagi

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

1. KETUA KAMPUNG LAMBAK 'A'

2. KETUA KAMPUNG LAMBAK KIRI

3. KETUA KAMPUNG STKRJ LAMBAK

KIRI

4. KETUA KAMPUNG JAYA SETIA, JAYA

BAKTI DAN BURONG PINGAI BERAKAS

5. KETUA KAMPUNG SERUSOP DAN

DELIMA SATU

6. KETUA KAMPUNG PANCHA DELIMA

DAN ORANG KAYA BESAR IMAS

7. KETUA KAMPUNG ANGGEREK DESA

DAN PULAI

8. KETUA KAMPUNG SUNGAI AKAR 1

9. KETUA KAMPUNG SUNGAI AKAR 2

10. KETUA KAMPUNG MANGGIS 1 & 2

11. KETUA KAMPUNG SUNGAI TILONG

12. KETUA KAMPUNG KAWASAN 1, RPN

LAMBAK KANAN

13. KETUA KAMPUNG KAWASAN 2, RPN

LAMBAK KANAN

14. KETUA KAMPUNG KAWASAN 4, RPN

LAMBAK KANAN

15. KETUA KAMPUNG KAWASAN 5, RPN

LAMBAK KANAN

16. KETUA KAMPUNG KAWASAN 6, RPN

LAMBAK KANAN

17. KETUA KAMPUNG SUNGAI

HANCHING

18. KETUA KAMPUNG SALAMBIGAR

19. KETUA KAMPUNG RPN SERASA

20. KETUA KAMPUNG SERASA

21. KETUA KAMPUNG RPN MERAGANG

1 22. KETUA KAMPUNG RPN MERAGANG

2 23. KETUA KAMPUNG MENTIRI

24. KETUA KAMPUNG KAWASAN 1, RPN

MENTIRI

25. KETUA KAMPUNG KAWASAN 2, RPN

MENTIRI

26. KETUA KAMPUNG TANAH JAMBU /

SALAR

27. KETUA KAMPUNG KAWASAN 1 RPN

PANCHOR, MENTIRI

28. KETUA KAMPUNG KAWASAN 2 RPN

PANCHOR, MENTIRI

29. KETUA KAMPUNG KAWASAN 3, RPN

PANCHOR, MENTIRI

30. KETUA KAMPUNG KAWASAN 4 RPN

PANCHOR, MENTIRI

31. KETUA KAMPUNG KAWASAN 5 RPN

PANCHOR, MENTIRI

32. KETUA KAMPUNG SUNGAI LAMPAI

DAN PINTU MALIM, KOTA BATU,

PELAMBAYAN, DATO GANDI DAN

SUNGAI MATAN

33. KETUA KAMPUNG SUNGAI BESAR,

SERDANG DAN SUNGAI BELUKUT

34. KETUA KAMPUNG PARIT DAN

TUMASEK

35. KETUA KAMPUNG TASEK LAMA,

MELABAU DAN TUNGKADEH

36. KETUA KAMPUNG KAWASAN 1, RPN

RIMBA

37. KETUA KAMPUNG KAWASAN 3, RPN

RIMBA

38. KETUA KAMPUNG KAWASAN 5, RPN

RIMBA

39. KETUA KAMPUNG KAWASAN 6, RPN

RIMBA

40. KETUA KAMPUNG KAWASAN 2,

STKRJ TUNGKU

41. KETUA KAMPUNG RIMBA 1

42. KETUA KAMPUNG RIMBA 2

43. KETUA KAMPUNG STKRJ RIMBA 1

44. KETUA KAMPUNG STKRJ RIMBA 2

45. KETUA KAMPUNG MENGLAIT

46. KETUA KAMPUNG PENGKALAN

GADONG

47. KETUA KAMPUNG PERPINDAHAN

MATA-MATA

48. KETUA KAMPUNG KIULAP

49. KETUA KAMPUNG BERIBI 1

50. KETUA KAMPUNG BERIBI 2

51. KETUA KAMPUNG BERIBI 3

52. KETUA KAMPUNG KIARONG 1

53. KETUA KAMPUNG KIARONG 2

54. KETUA KAMPUNG MATA-MATA 1

55. KETUA KAMPUNG MATA-MATA 2

56. KETUA KAMPUNG LUMAPAS 'A'

57. KETUA KAMPUNG TANJONG

BUNUT

58. KETUA KAMPUNG TASEK

MERADUN / BUNUT

59. KETUA KAMPUNG MADEWA DAN
TELANAI

60. KETUA KAMPUNG KILANAS

61. KETUA KAMPUNG JANGSAK

62. KETUA KAMPUNG TANJONG

NANGKA

63. KETUA KAMPUNG SINARUBAI DAN

BURONG LEPAS

64. KETUA KAMPUNG JERUDONG 'A'

65. KETUA KAMPUNG JERUDONG 'B'

66. KETUA KAMPUNG SENGKURONG

'B'

67. KETUA KAMPUNG MULAUT

68. KETUA KAMPUNG LUGU /

KATIMAHAR

69. KETUA KAMPUNG SELAYUN

70. KETUA KAMPUNG TAGAP

71. KETUA KAMPUNG MASIN

72. KETUA KAMPUNG PANCHOR MURAI

DAN WASAN

73. KETUA KAMPUNG ZON 1 KAMPONG

AYER (Mukim Tamoi, Mukim Burong Pingai

Ayer)

74. KETUA KAMPUNG ZON 2 KAMPONG

AYER (Mukim Saba, Mukim Peramu, Kampung

Sungai Siamas / Kampung Ujong Klinik)

75. KETUA KAMPUNG ZON 4 KAMPONG

AYER (Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung

Bolkiah 'B')

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan sukacitanya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di Daerah Brunei dan Muara bagi kampung yang tersenarai di atas untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG

1. Calon Ketua Kampung hendaklah :

(i) Seorang lelaki yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(ii) Berumur tidak kurang tiga puluh (30) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.

(iii) Mempunyai pengetahuan baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.

(iv) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan prihatin.

(v) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan kuat dari Ketua Jabatan atau Majikannya, serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah merupakan satu kelebihan.

(vi) Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dibersaraskan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.

(vii) Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibu bapanya di kampung ia memohon sebagai Ketua Kampung tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.

(viii) Calon yang tidak memenuhi syarat di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di kampung yang ia memohon untuk menjadi Ketua Kampung dan hendaklah tinggal dan menetap di kampung tersebut apabila dilantik sebagai Ketua Kampung sama ada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibu bapanya di kampung berkenaan.

(ix) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang Ketua Kampung.

(x) Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tatatertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan atau

di pihak swasta atau dalam mana-mana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.

(xi) Tidak diisyiharkan sebagai seorang Muflis di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.

(xii) Bagi jawatan KETUA KAMPUNG TINGKAT I dengan tangga gaji PMKK.3, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (OND) atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliahan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

Atau

(d) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat II tidak kurang selama lima (5) tahun. Mempunyai laporan penilaian prestasi SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG merupakan satu kelebihan.

(e) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(f) Telah bergiat aktif dalam projek-projek perekonomian kampung menerusi Satu Kampung Satu Produk semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat II.

(g) Telah menerajui kampungnya dalam menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat II.

IMBASAN MINGGUAN



ANTARA yang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran Kampus IBTE Sultan Saiful Rijal. - Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin.

KERIANGAN orang ramai yang menyertai riadah berbasikal. - Foto : Hamzah Mohidin.



ANTARA aksi Kejohanan Festival Grassroot Bola Sepak Kluster 2 Tahun 2020 pada pelancaran padang rumput NFABD. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

KANAK-kanak ini tertarik dengan buku sempena Pesta Buku 2020. - Foto : Azmah Haji Ahad.



AKTIVITI amal di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang disertai oleh kakitangan Nexus Sdn. Bhd. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

Usaha cemerlang pelajar Maktab SOAS dihargai



PEGAWAI Eksekutif Kanan Insurans Islam TAIB, General Takaful Sendirian Berhad, Awang Roslan bin Haji Tahir (dua, kiri) dalam sesi bergambar ramai bersama penerima Challenge Trophy bagi Tahun 11, Awang Muhd. Al-Haziq bin Haji Zulkifli.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Mac. - Pelajar-pelajar

Saifuddien (Maktab SOAS) yang cemerlang dalam Peperiksaan BCGCE 'O' Level dan IGCSE

Level bagi Tahun 2019 diraikan dalam satu majlis graduasi, di sini.

KENAPA PERLU KURANGKAN GARAM

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi dan meningkatkan risiko awal menghidap penyakit jantung dan strok

PENGAMBILAN GARAM YANG DISYORKAN IALAH

Kurang daripada 1 sudu teh = 5 gram garam (2000mg sodium) sehari

CARA-CARA MENGURANGKAN PENGAMBILAN GARAM

KETIKA MEMASAK DI RUMAH

- ✓ Gunakan secubit garam sahaja
- ✓ Gunakan rempah, herba dan sitrus (seperti limau kesturi) untuk menambah rasa pada masakan

KETIKA MAKAN DI LUAR

- ✓ Sentiasa pilih nasi putih
- ✓ Pesan makanan yang **KURANG** atau **TIADA** kuah
- ✓ Pesan masakan kurang/tanpa garam atau sos
- ✓ **ELAKKAN** menghabiskan kuah soto / mi sup atau masakan jenis sup

KETIKA MEMBELI-BELAH

- ✓ Pilih makanan segar dan tidak berproses
- ✓ Pilih produk makanan yang berlabel '**Pilihan Lebih Sihat**'
- ✓ Pilih produk makanan yang **KURANG** atau **TIADA GARAM**

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Majlis tersebut bertujuan untuk memberikan dorongan dan motivasi kepada para pelajar agar terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang pelajaran juga program-program berkaitan.

Acara yang berlangsung di Auditorium Maktab SOAS tersebut dihadiri oleh Pegawai Eksekutif Kanan Insurans Islam TAIB, General Takaful Sendirian Berhad, Awang Roslan bin Haji Tahir selaku tetamu kehormat.

Dalam ucapan alu-aluan, Guru Kanan Akademik Maktab SOAS, Dayang Leziana binti Abdullah selaku Pengurus Majlis menyentuh tentang pencapaian sasaran peratus penuntut yang mendapat kredit dalam setiap mata pelajaran juga peningkatan jumlah peratus penuntut yang memperoleh lima kredit 'O' Level ke atas, iaitu sebanyak 5.7 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Beliau seterusnya mengharapkan kecemerlangan para pelajar tidak berakhir di sini, malahan diharapkan untuk menjadi bangsa yang dinamik, berpendidikan dan mempunyai set kemahiran yang tinggi dan terkinin mengikut perkembangan juga peredaran masa, terutama sekali dalam era Revolusi Industri 4.0, sekali gus mendukung Wawasan

Brunei 2035.

Majlis seterusnya menyaksikan penyampaian hadiah kepada pelajar-pelajar cemerlang dalam Peperiksaan GCE 'O' dan ICGSE Level Tahun 2019 dan Challenge Trophy oleh tetamu kehormat.

Anugerah Challenge Trophy diberikan kepada Awang Muhd. Al Haziq bin Haji Zulkifli yang dipilih berdasarkan kriteria kecemerlangan dalam bidang akademik, aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dan disiplin yang baik.

Terdahulu, Timbalan Pengetua Akademik Maktab SOAS, Awang Mohd. Santra bin Haji Bolhasan menyampaikan hadiah-hadiah kepada penerima Penilaian Kemajuan Pelajar atau Student Progress Assessment (SPA) Tahun 8, Pearson BTEC Level 2 Extended Certificate bagi sesi 2019 dan penyampaian sijil bagi penuntut-penuntut penerima Principal Award, Book Warrior juga hadiah penghargaan kepada Tenaga-tenaga pengajar Tahun 8 dan Tahun 11.

Majlis merupakan acara tahunan Maktab berkenaan untuk memberikan penghargaan kepada Pelajar-pelajar cemerlang serta kepada pelajar yang menunjukkan peningkatan dan kemajuan dalam pencapaian mereka.



PARA penerima Anugerah Pelajar Cemerlang Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien bersedia untuk menerima hadiah masing-masing.



WAJAH riang para penerima Anugerah Pelajar Cemerlang Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien bagi Tahun 2019.



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

150 sertai Eksesais Gerak Sepadu 2



BERAKAS, Sabtu, 7 Mac. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) melalui perkembangan dalam pelbagai aspek untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat selaras dengan Visi Jabatan, iaitu 'Berkerjasama

dengan masyarakat bagi melindungi apa yang mereka hargai'.

Peranan JBP juga semakin mencabar dan sentiasa giat memantapkan keupayaannya bagi memenuhi kehendak Misi jabatan,

PEMANGKU Pengarah Bomba dan Penyelamat, Lim Hock Guan menyaksikan Eksesais Gerak Sepadu 2 yang berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan (kiri). Sementara gambar bawah kiri, Cawangan Operasi dan Unit-unit Khas JBP menyertai eksesais tersebut. Manakala gambar atas, eksesais juga disertai Perkhidmatan Kecemasan Ambulans Perubatan (EMAS).

iaitu 'Mengurangkan kadar kejadian akibat kebakaran dan bertindak dengan cara profesional bagi menangani apa-apa juga panggilan kecemasan' selaras dengan perkembangan dan kehendak semasa demi memberikan sumbangan dan perkhidmatan yang sangat diperlukan oleh masyarakat dan negara sejajar dengan matlamat strategik Jabatan 2025.

Sehubungan itu, seramai 150 anggota daripada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Perkhidmatan Kecemasan Ambulans Perubatan (EMAS), Cawangan Operasi dan Unit-unit Khas JBP menyertai Eksesais Gerak Sepadu 2 yang berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri

Begawan, di sini.

Konsep Eksesais menjurus kepada kebakaran bangunan dan tindakan awal daripada balai yang berdekatan juga bantuan daripada cawangan-cawangan dan agensi-agensi keselamatan yang lain.

Hadir menyaksikan eksesais, Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Lim Hock Guan; Penolong Pengarah Teknikal, Awang Nohi Irwan Sukarki bin Haji Pawi; Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai, anggota juga kakitangan daripada JBP.

Pemangku Penguasa Kanan Bomba dan Penyelamat, Dayang Siti Masnur Juraini binti Jini

berkata, eksesais tersebut bertujuan untuk menguji Prosedur Operasi Standard (SOP) dan koordinasi daripada pihak JBP, PPDB dan EMAS, selain untuk menguji pelan tindakan daripada pihak Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Dayang Siti Masnur Juraini seterusnya menyarankan kepada pemilik-pemilik premis di Negara Brunei Darussalam untuk menghantar kakitangan untuk menyertai atau menghadiri kursus-kursus yang berkaitan dengan keselamatan kebakaran seperti Kursus *Fire Marshal*, Taklimat Keselamatan Kebakaran, Taklimat Life Saver 995.

Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin

SM RIPAS hargai pelajar cemerlang



KETUA Kluster 4, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Sarifah binti Haji Matsawali hadir pada Majlis Graduation Day Brunei Cambridge GCE 'O' Level dan IGCSE 2019 bagi Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS), Tutong (atas), sementara gambar kiri, antara pelajar-pelajar cemerlang SM RIPAS yang diraikan pada majlis tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto :
Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong

TUTONG, Sabtu, 7 Mac. - Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (SM RIPAS), Tutong baru-baru ini mengadakan Majlis Graduation Day Brunei Cambridge GCE 'O' Level dan IGCSE 2019 yang diadakan di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Ketua Kluster 4, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian

Pendidikan, Dayang Hajah Sarifah binti Haji Matsawali.

Majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan juga bacaan Surah Al-Fatiha dan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pengetua SM RIPAS, Dayang Hajah Amal Nuriyah binti Haji Ahmad Kumpoh dan ucapan daripada tetamu kehormat.

Pengetua

kepentingan dalam mencapai gred yang baik untuk Peperiksaan 'O' Level. Beliau juga menyatakan bahawa pihak sekolah akan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan keputusan Peperiksaan GCE 'O' Level dan IGCSE.

Tetamu kehormat menekankan kepentingan kejayaan tidak datang tanpa usaha.

Majlis diteruskan dengan penyampaian anugerah mengikut

kategori-kategori bagi Peringkat 'O' / IGCSE Tahun 2019, seperti Pelajar Terbaik Peringkat 'O', Pelajar Terbaik bagi Setiap Subjek dan Pelajar Progresif.

Pada majlis tersebut, penyampaian Anugerah Kategori Kejutan juga diadakan, seperti Anugerah kepada Jabatan-

jabatan, Anugerah kepada Guru-guru dan Anugerah Pengetua kepada Jabatan Cemerlang.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada wakil pelajar Tahun 11 sesi 2019 dan tayangan video 'Ristaan Pelajar Tahun 11 Sesi 2019'. Majlis diakhiri dengan bacaan doa.



KETUA Pegawai Operasi At-Taqwa Travel Tours, Pengiran Haji Mohd. Fakhrulrazi bin Pengiran Haji Omarali menyampaikan hadiah dan sijil kepada salah seorang pelajar MSPSBS bagi pencapaian Akademik dalam Peperiksaan BCGCE 'A' Level 1441H / 2019M.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Mac. - Para pelajar dinasihatkan agar mengambil setiap cabaran sebagai satu perkara yang positif dan menghadapinya dengan penuh kebijaksanaan sebagaimana yang diajarkan oleh guru-guru di Maktab Sains Paduka

Seri Begawan Sultan.

Melalui cabaran-cabaran ini, para pelajar akan dapat melihat potensi kekuatan dan kelemahan diri. Setiap kekuatan perlu diperteguhkan, manakala yang kurang pula perlu diperbaiki kerana kesemua itu merupakan

Keputusan peperiksaan pelajar MSPSBS meningkat 2.41 peratus

pengalaman yang amat berharga untuk menjadi seorang insan yang lebih baik.

Ketua Pegawai Operasi At-Taqwa Travel Tours, Pengiran Haji Mohd. Fakhrulrazi bin Pengiran Haji Omarali seterusnya berkata kejayaan pelajar hari ini merupakan hasil usaha pelajar dengan kerjasama dan sokongan daripada guru-guru, pentadbir sekolah termasuk para ibu bapa dan penjaga pelajar sendiri.

"Sungguhpun kemajuan dunia pada abad ke-21 ini telah menjadikan taraf kehidupan manusia bertambah baik terutama dalam bidang pendidikan, namun kecemerlangan akademik hendaklah diimbangi dengan keutuhan agama dan pembentukan sahsiah yang mantap kerana bangsa yang maju dan sejahtera bukan sahaja terletak kepada ahli-ahli yang berilmu pengetahuan tetapi juga yang bersahsiah mulia," jelasnya pada Majlis Penyampaian Hadiah dan Sijil bagi Pencapaian Akademik dalam Peperiksaan BCGCE 'A' Level 1441H / 2019M.

Pada majlis berlangsung di Auditorium MSPSBS di sini, beliau seterusnya menjelaskan

sahsiah mulia bagi kita ialah keperibadian atau jati diri bangsa Brunei Darussalam yang bersendikan kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja dan gabungan kesedaran tentang kepentingan ilmu serta kemampuan dan sahsiah diri inilah yang akan dijadikan mekanisme utama dalam usaha kita dalam merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Terdahulu, Pemangku Pengetua Maktab, Hajah Susilawati binti DP Haji Muhammad dalam ucapan alu-aluananya menyatakan meskipun pihak maktab belum mencapai sasaran 98 peratus mendapat sekurangnya tiga 'A' dan 100 peratus mendapat sekurang-kurangnya dua 'A' tetapi keputusan itu merupakan satu pencapaian yang masih boleh dibanggakan.

"Perkara ini adalah kerana maktab masih berjaya melepas sasaran kebangsaan dalam Peperiksaan BCGCE Peringkat 'A' dan pada 27 Februari yang lepas pihak maktab telah pun mendapat intensif dan penghargaan dalam Konvensyen Pemimpin Sekolah 2020 iaitu kategori sekolah yang cemerlang dalam mencapai atau

melepas sasaran 80 peratus memperoleh tiga 'A' ke atas dan kedua kategori sekolah yang menunjukkan peratus peningkatan dari tahun 2017 hingga 2019 dalam memperoleh tiga 'A' Level ke atas," kata Pemangku Pengetua.

Tegasnya, para pelajar yang diraikan itu merupakan sebahagian daripada generasi belia yang pasti akan menjadi peneraju negara pada masa hadapan dan justeru, pihak maktab mengharapkan segala ilmu, kemahiran, pendedahan dan pengalaman yang telah diberikan kepada mereka akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam dunia yang sebenar apatah lagi kini kita berada dalam era globalisasi.

MSPSBS dalam Peperiksaan BCGCE Peringkat 'A' kali ini telah mencapai peningkatan sebanyak 2.41 peratus pada tahun 2019 sebanyak 88.52 peratus bagi pelajar-pelajar yang mencapai tiga 'A' Level ke atas berbanding pada tahun sebelumnya dengan jumlah seramai 185 orang pelajar memperoleh tiga 'A' Level ke atas termasuk 19 orang pelajar menerima 'High Achievement Award' dan enam orang pelajar menerima 'Excellence Award'.

Semangat kenegaraan terus disemai



PEMANGKU Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan menyampaikan taklimat pada Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 7 Mac. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' di Sekolah

Menengah Katok.

Seramai 89 pelajar dari Tahun 7 menghadiri taklimat tersebut yang diadakan di bilik persidangan sekolah berkenaan. Turut hadir bagi sama-sama memeriahkan lagi taklimat tersebut, Pengetua Sekolah, Dayang Penrose Saleha binti Haji Mohd. Salleh dan Timbalan Pengetua, Dayang Hajah Siti binti Pungut.

Taklimat Kenegaraan tersebut disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris. Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara yang betul untuk mengibarkan bendera dan sejarah Lagu Kebangsaan Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan lebih terperinci.

Program ini merupakan salah satu usaha yang berterusan Jabatan Penerangan dalam sama-sama menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa juga negara. Selain itu, program ini berperanan penting dalam memperkuatkan semangat solidariti, patriotik dan



SESI Kuiz Kenegaraan antara aktiviti yang disediakan.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Azmah Haji Ahad

kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan raja, bendera negara juga lagu kebangsaan.

Dalam program berkenaan, para pelajar berpeluang untuk menyaksikan Klip Video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan

tayangan video animasi tentang bagaimana cara menaikkan bendera negara dengan betul.

Bagi menceriakan lagi suasana program, para pelajar juga berpeluang menyertai Kuiz

Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan. Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



SEBAHAGIAN daripada penuntut dari Tahun 7 Sekolah Menengah Katok yang hadir pada taklimat tersebut (kiri dan atas).

LENSA Pelajar

Sekolah Menengah
Menglait



Tingkatkan kesihatan, hindari gejala sosial

Oleh : Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir
Foto : Ihsan Hajah Khadijah
Haji Md. Salleh,
Mohammad Shahruni Haji Sarbini

KESIHATAN merupakan nadi utama dalam menjalani kehidupan searian. Jika berbicara soal kesihatan tidak kira lah apa bentuk sekalipun latihan atau aktiviti yang dilaksanakan yang penting haruslah berpatutan dengan keupayaan tubuh badan masing-masing dan tidak keterlaluan yang akan mengakibatkan kemudaratian pada diri sendiri. Pada zaman sekarang pelbagai bentuk latihan atau aktiviti yang diadakan, sama ada *indoor* maupun *outdoor*, antaranya seperti menjalani latihan di gim, zumba, berjogging, berbasikal, mendaki bukit dan sebagainya.

Lensa Pelajar kali ini menuju ke Sekolah Menengah Menglait yang ingin mengetengahkan penglibatan para penuntut sekolah tersebut yang aktif dalam Pasukan Pengakap. Pasukan Pengakap tersebut diberi nama Pasukan Pengakap Sekolah Menengah Menglait Gadong, nombor pasukan : #1019. Pasukan tersebut ditubuhkan pada awal tahun 1990-an yang dipimpin oleh Allhyarham Skip Haji Md. Yassin bin Adam. Manakala sekarang pasukan tersebut dipimpin oleh Skip Mohammad Shahruni Haji Sarbini mulai tahun 2007 hingga sekarang.

Pada tahun 2020, jumlah ahli dalam pasukan ini melebihi 50 orang, iaitu 40 lebih orang terdiri daripada para penuntut menengah rendah dan 15 orang terdiri daripada menengah atas.

Sejak penubuhan Pasukan Pengakap ini, banyak pencapaian dan aktiviti yang disertai antaranya :

- Perbarisan Hari Kebangsaan (Peringkat Negara / Peringkat Sekolah);
- Acara sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (Benteng / Majlis Santap Pasukan Beruniform di Istana dan Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk);
- Kursus Ketua Patrol dan Kepimpinan Pengakap Remaja;
- Penyertaan ahli dalam Jambori dalam dan luar negara (Malaysia, Republik Singapura, Republik Indonesia, Republik Filipina);
- Perkhemahan - perkhemahan dalam pasukan, Perkhemahan Gabungan anjuran Persatuan Daerah Brunei dan Muara juga Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD).

Sesi latihan diadakan pada waktu CCA sekolah setiap Sabtu dan akan diadakan pada Jumaat dan Ahad dengan kebenaran ibu bapa ahli jika memerlukan. Cuti-cutii sekolah selalunya digunakan bagi mengadakan aktiviti seperti perkhemahan.

Pasukan Pengakap dilihat tidak asing di Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, diharap lebih ramai lagi penuntut yang mahu menyertai Pasukan Pengakap dengan sukarela. Dengan membanyakkan aktiviti dan riadah boleh meningkatkan kesihatan dan daya tahan penuntut dan menghindarkan penuntut daripada melakukan perkara yang kurang berfaedah dan melakukan gejala sosial yang tidak diingini. Para penuntut harus disuntik dan digalakkan untuk lebih aktif mengikuti pelbagai aktiviti. Aktiviti yang diadakan itu perlulah sesuatu yang menarik minat mereka dengan dorongan ibu bapa dan guru-guru.



Pembinaan Teratak MFF berhasrat bantu keluarga daif, susah



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara juga Penghulu Mukim Bokok merasmikan Teratak MFF (Mumin Family Foundation).

TEMBURONG, Ahad, 8 Mac. - Majlis Perasmian Teratak MFF (Mumin Family Foundation) yang dianjurkan oleh para kakitangan dan keluarga Haji Abdul Mumin bin Awang Sunggoh berlangsung di No. 21, Simpang 628, Kampung Rataie.

Hadir selaku tetamu kehormat

majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, juga Penghulu Mukim Bokok, seterusnya merasmikan Teratak MFF diselajurkan dengan Doa Selamat.

Turut hadir, ketua-ketua cawangan kabatan-jabatan

kerajaan Daerah Temburong, Ketua-ketua Kampung dan Imam Masjid Kampung Rataie.

Majlis dimulakan dengan kata alu-aluan daripada pemilik Teratak MFF, Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Majlis kemudian diteruskan dengan tetamu kehormat dan para jemputan yang hadir dibawa untuk melihat persekitaran Teratak MFF.

Teratak MFF merupakan inisiatif atas usaha yang dikendalikan oleh Dayang Hajah Rosmawatty dan adik-beradiknya yang mempunyai misi untuk menolong keluarga-keluarga daif dan kurang berasib baik di Negara Brunei Darussalam dengan niat untuk menjadikan misi tersebut sebagai bekalan pada hari akhirat kelak.

Dengan adanya Teratak MFF ini, hasil pendapatan yang diperoleh akan dimasukkan ke dalam dana Yayasan Keluarga agar dapat menolong lebih ramai lagi keluarga daif dan kurang berasib baik di masa akan datang.

Perasmian ini juga dapat mengembangkan sosio-ekonomi masyarakat Mukim Bokok dan sebagai satu platform juga usaha untuk membantu penduduk setempat, seterusnya satu langkah bagi menarik lebih

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

ramai pengunjung dari luar daerah juga dari negara-negara jiran, sekali gus memeriahkan lagi Daerah Temburong dengan aktiviti pelancongan.

Teratak ini mampu menampung seramai 45 orang, di mana mereka juga berpeluang untuk mengalami sendiri suasana kehidupan kampung diselaraskan dengan tema moden 'Modern Kampung'.

Tempat penginapan ini juga

dikelilingi dengan pelbagai pokok buah-buahan, di mana pengunjung akan berpeluang untuk mengutip dan menikmatinya pada musim buah.

Harga penginapan Teratak MFF adalah pada kadar BND38 sekepala untuk satu malam dan para penginap berkumpulan (minima lima orang) pula hanya pada kadar BND35 sekepala untuk satu malam.



ANTARA kemudahan yang terdapat di Teratak MFF.

Pertahan seni tari tradisi Brunei

TEMBURONG, Ahad, 8 Mac. - Bagi membentuk dan membina generasi penerus dalam memastikan warisan seni budaya Melayu sentiasa dipertahankan dan dipelihara, Majlis Perundingan Kampung Puni dan Batang Tuau mengendalikan Bengkel Seni Tari Tradisi Brunei di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar.

Bengkel selama tiga hari yang bermula pada Jumaat, 6 Mac tersebut berakhir dengan Majlis Penutup Bengkel Seni Tari Tradisi Brunei yang diadakan hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohamad Khairul Shahrul bin Haji Duahim.

Turut hadir, Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung.

Atur cara majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Bengkel Seni Tari Tradisi Brunei, Awang Ashaway bin Haji Abdul Rahman, Pemangku Ketua Kampung Puni dan Batang Tuau dan kemudiannya diteruskan dengan ucapan khas daripada tenaga jurulatih, diikuti dengan persembahan khas daripada para peserta.

Majlis kemudian diakhiri dengan penyampaian sijil yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Bengkel ini merupakan satu usaha Majlis Perundingan Kampung Puni dan Batang Tuau bagi mengekalkan seni tari tradisi Brunei agar tidak pupus, selain

memberikan peluang, khususnya kepada penduduk di Daerah Temburong.

Antara tujuan bengkel diadakan adalah untuk menanam rasa kepunyaan terhadap warisan seni budaya Brunei, di samping menambah ilmu pengetahuan dalam seni tari tradisi Brunei bagi mempertahankan khasanah warisan seni budaya Brunei.

Selain itu, antara tujuan bengkel diadakan adalah untuk

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

mengekalkan seni tari tradisi Brunei agar tidak pupus kerana ia merupakan budaya tradisi orang Brunei dan secara tidak langsung memupuk semangat bekerjasama secara berpasukan dan merapatkan silaturahim.

Bengkel tersebut disertai oleh

30 peserta, terdiri daripada kanak-kanak, remaja dan belia wakil Majlis Perundingan Kampung dan penduduk Daerah Temburong dan tenaga pengajar adalah dari Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Produk Tempatan Berpotensi Tembusi Pasaran Luar'. Tarikh Tutup : 11 Mac 2020
- 'Waspada Menyebarluaskan Maklumat Di Sosial Media'. Tarikh Tutup : 18 Mac 2020
- 'Pupuk Budaya Membaca Kalangan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 25 Mac 2020

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi

BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta.

Perlwanan Golf Amal Pusat Ehsan, 27 Mac



PEMEGANG Amanah Kanan Pusat Ehsan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab selaku Penasihat Bersama Perlawan (tiga, kiri) semasa hadir menyampaikan Sidang Media Perlawan Golf Amal Pusat Ehsan Ke-20 bagi Tahun 2020.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

MENTIRI, Sabtu, 7 Mac. - Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) akan mengadakan Perlawan Golf Amal Pusat Ehsan Ke-20 bagi

Tahun 2020 selama tiga hari bermula 27 hingga 29 Mac 2020.

Perlawan yang akan mengambil tempat di Kelab Golf Pantai Mentiri itu bertemakan

'Perpetual Care'.

Sehubungan itu, satu Sidang Media mengenainya diadakan di kelab berkenaan, di sini.

Hadir menyampaikan Sidang Media tersebut, Pemegang Amanah Kanan Pusat Ehsan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin

bin Haji Abdul Wahab selaku Penasihat Bersama Perlawan.

Menurutnya, perlawan amal tersebut menawarkan pelbagai hadiah, termasuk bagi hadiah *hole in one* dan wang tunai BND5,000 untuk dimenangi.

Pengerusi Perlawan tersebut, Awang Haji Seruji bin Haji Setia

berkata, kejohanan tahun ini dijalankan mengikut Sistem 36 (Stroke Play) dan setiap penyertaan perlu membayar BND100.

Yuran pendaftaran bagi kejohanan berkenaan adalah termasuk sarapan pagi, makan tengah hari dan buggy, di mana borang penyertaan bolehlah didapatkan di Kelab Golf Pantai Mentiri atau memuat turun borang berkenaan di laman sesawang Pusat Ehsan.

Putus Ehsan merupakan sebuah pertubuhan kebajikan amal bukan kerajaan yang ditubuhkan bukan untuk mendapatkan keuntungan, tetapi untuk mendapatkan dana sepenuhnya daripada derma dan sumbangan daripada masyarakat.

Selain itu, pusat berkenaan juga sentiasa berusaha untuk menyampaikan perkhidmatan yang lebih baik kepada masyarakat, terutamanya kepada kanak-kanak istimewa yang di bawah jagaan pusat tersebut.

Antara objektif kejohanan adalah untuk mengumpul dana bagi pusat tersebut, di samping memberikan peluang kepada orang ramai, terutama dari sektor swasta dan korporat untuk menaja dan menderma melalui sukan golf, sama ada dengan mengambil bahagian dalam pertandingan atau menderma kepada pusat tersebut.

مقرنلنکن اقليکاسي موده الیه جابتن ڦراغن

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

Sukan

INFO SUKAN

JOHAN bagi Piala Zain disandang Pasukan Masjid Sultan Sharif Ali Sengkurong, manakala johan Piala Pengarah Hal Ehwal Masjid dirangkul Pasukan Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik Kampung Tungku, Katok pada Kejohanan Futsal Ke-4 Tahun 2020 berlangsung di Padang Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Jalan Tutong pada 1 Mac 2020.



ePaper Pelita Brunei

Liga Bola Keranjang Kebangsaan 5.11 buka tirai

GADONG, Ahad, 8 Mac. - Persatuan Bola Keranjang Brunei dengan kerjasama Persatuan Bola Keranjang Daerah Belait dan Tutong membuka tirai Kejohanan Liga Bola Keranjang Kebangsaan 5.11 yang mengambil tempat di Gelanggang Persatuan Bola Keranjang Brunei, Jalan Batu Bersurat, di sini.

Kejohanan tersebut dirasmikan oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Liga Bola Keranjang Kebangsaan mempertandingkan Kategori Lelaki dan Wanita, di mana enam pasukan mengambil bahagian dalam Kategori Lelaki (Brunei Muara 'A', Brunei Muara 'B', Temburong, Tutong, Belait dan Belait 'B'), manakala empat pasukan lagi mengambil bahagian dalam Kategori Wanita (Brunei Muara, Temburong, Tutong dan Belait).

Terdahulu, pembukaan tirai menyaksikan perlawanan Kategori Lelaki di antara Belait 'B' menentang Tutong yang berkesudahan 39 - 71, sekali gus memberikan kemenangan kepada pasukan Tutong.

Perlawanan Kategori Lelaki itu kemudiannya diteruskan lagi dengan menyaksikan permainan di antara Brunei Muara 'A' dan pasukan Belait, di mana pasukan Brunei Muara 'A' berjaya mengalahkan Belait dengan kiraan mata jaringan 73 - 71.

Memandangkan kebimbangan berterusan terhadap Corona Virus dan kekurangan sumber, pihak pengaju terpaksa mengurangkan jumlah permainan dan mengantung format Home and Away yang merupakan ciri utama Liga Kebangsaan tahun lepas.

Liga Bola Keranjang Kebangsaan adalah platform penting yang memberikan pendedahan kepada pemain wanita juga pemain muda dalam sukan bola keranjang.

Pemain daripada Liga Kebangsaan boleh dipilih untuk mewakili Brunei dalam Kejohanan Borneo Intercity yang akan datang pada bulan Jun nanti.

Liga Bola Keranjang Kebangsaan ditaja oleh 5.11 bersama You-C1000 sebagai minuman sukan rasmi.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



SETIAUSAHA Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa merasmikan Kejohanan Liga Bola Keranjang Kebangsaan 5.11.

Bakes FC tewaskan Rimba Star FC 2-1

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



AKSI perlawanan di antara Bakes FC menentang Rimba Star FC pada Liga Super Brunei 2020.

BERAKAS, Ahad, 8 Mac. - Bakes FC berjaya menewaskan Rimba Star FC pada perlawanan Liga Super Brunei 2020 yang mengambil tempat di Padang dan Belapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas dengan berkesudahan 2 - 1.

Pada separuh masa pertama perlawanan, kedua-dua pasukan sering berbalas serangan, di mana benteng pertahanan di antara kedua-dua pihak tetap teguh dan sukar dibolosi oleh pihak lawan masing-masing.

Dengan kesungguhan dan semangat yang tidak putus diteruskan pada perlawanan separuh masa kedua, Bakes FC mula beraksi lebih agresif menentang lawan sehingga pemainnya, Shaik Muiz Iskandar Shaik Zakaria berjaya menjaring gol pertamanya pada minit ke-46.

Melalui jaringan yang dilakukan oleh Bakes FC itu membangkitkan lagi semangat Rimba Star FC dan terus mengasak permainan sehingga pemainnya, Nazran Aqmar Dzul berjaya menyumbatkan gol ke gawang pihak lawan pada minit ke-50.

Namun kedudukan seri 1 - 1 tidak bertahan lama setelah Bakes FC sekali lagi berjaya menambah jaringan melalui hasil tendangan Faisal Ahad pada minit ke-71, sekali gus merubah kedudukan 2 - 1.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'JIKA HATI ROSAK, ROSAKLAH SELURUH ANGGOTA BADAN'

دتربيتكن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان دچيتق اوله جباتن فرجيتقن كراجأن، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam